

# Berita JMM

Newsletter of the Department of Museums Malaysia



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

BERITA JMM JILID 40 • BIL. 2/2023 • MEI - OGOS | ISSN 2231-8321

# MALAYSIA

## *Tanah Airku*

### DULU, KINI & MASA DEPAN

### *MY HOME, PAST, PRESENT & FUTURE*



Jabatan Muzium Malaysia



Jabatan Muzium Malaysia



Jabatanmuziummalaysia



[www.jmm.gov.my](http://www.jmm.gov.my)



Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

Menjengah ke suku ketiga tahun 2023 kalendar Jabatan Muzium Malaysia menyaksikan pelbagai acara dan program termasuklah sambutan Hari Muzium Antarabangsa, Sambutan Hari Kebangsaan Ke-66, Program Citra Nusa@Muzium dan lain-lain program yang dianjurkan diperingkat kementerian, Jabatan dan muzium-muzium.

Sekalung tahniah dan penghargaan kepada warga kerja JMM atas usaha dan komitmen yang padu dalam merealisasikan apa jua perancangan dari mula hingga pengakhirannya, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Dalam kita melaksanakan setiap program dan aktiviti, selain memastikan kelancaran dan pematuhan prosedur, JMM perlu mengambil perhatian dari segi kajian impak dan kepuasan pelanggan agar setiap program dan aktiviti mencapai matlamatnya. Apa yang lebih penting ialah setiap perancangan yang dianjurkan mampu menengahkan fungsi dan peranan muzium yang lebih inklusif dan dinamik.

Semangat kerja berpasukan, dedikasi dan komitmen yang tinggi perlu diteruskan untuk program-program yang akan datang. Sebagai satu Jabatan, warganya harus saling tolong menolong dan bertukar pendapat bagi mendapatkan solusi dan idea yang kreatif dan praktikal dalam merancang dan melaksanakan program dan aktiviti.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama berganding bahu dalam menyempurnakan setiap tugas yang telah diamanahkan. Selamat Maju Jaya.

**Encik Mohd Razaimi bin Hamat**

Timbalan Ketua Pengarah Permuziuman  
Jabatan Muzium Malaysia



**RASIONAL GAMBAR MUKA DEPAN**  
PAMERAN MALAYSIA TANAH AIRKU  
SEMPENA SAMBUTAN HARI MUZIUM  
ANTARABANGSA 2023

**PENASIHAT**

Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim

**KETUA EDITOR**

Mohd Razaimi bin Hamat

**EDITOR**

Mohd Khairill bin Jemangin  
Nor Hafizzah binti Abdul Rahman

**PENYELARAS**

Rozlinah binti Ismail  
Azila binti Rohani@Rosani  
Roseanida binti Abdul Kadir

**FOTOGRAFI**

Unit Sumber Media

**EDARAN**

Unit Perpustakaan

**DITERBITKAN OLEH**

**Jabatan Muzium Malaysia**

Jalan Damansara  
50566 Kuala Lumpur  
Tel : (+603) 2267 1000,  
(+603) 2282 6255  
Faks : (+603) 2282 6434  
<https://www.jmm.gov.my>

**DICETAK OLEH**

Sepantas Kurnia (M) Sdn Bhd  
No.50 &52A, Jalan Seri Aman,  
Taman Seri Aman,  
43200 Cheras Selangor.

Berita JMM diterbitkan 4 bulan sekali.  
Berita ini boleh dimuat turun daripada laman  
web JMM.

# Isi Kandungan

JILID 40 / BIL.2 / 2023 MEI - OGOS

MAJLIS PERASMIAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA 2023 (HMA 2023) PERINGKAT KEBANGSAAN DI BORNEO CULTURES MUSEUM (BCM) KUCHING, SARAWAK

PAMERAN MALAYSIA TANAH AIRKU SEMPENA SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA 2023

MAJLIS PERASMIAN PAMERAN BIDAN DAN RAMAH MESRA AIDILFITRI JABATAN MUZIUM MALAYSIA

MAJLIS PRA PELANCARAN SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2023

- LAWATAN KERJA RASMI YB DATUK AARON AGO DAGANG, MENTERI PERPADUAN NEGARA KE MUZIUM MATANG
- PROJEK PENYELAMATAN KOLEKSI MUZIUM DIRAJA

SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN (SMP) PERINGKAT KEBANGSAAN 2023 KUCHING, SARAWAK

KEMBARA BULUH MASKOA

- PROGRAM BICARA@MUZIUM MATANG, PELABUHAN YANG HILANG
- EKSPLORASI TEKSTIL @ MUZIUM TEKSTIL NEGARA SEMPENA SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA 2023
- RERUAI BUKU JABATAN MUZIUM MALAYSIA SEMPENA PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR (PBAKL)
- PROGRAM EKSPLORASI MENELUSURI MUZIUM KOTA KUALA KEDAH

MUZIUM CHIMNEY IKON KEBANGSAAN PERLOMBONGAN ARANG BATU TERAWAL DI MALAYSIA

- KURSUS PEMANTAPAN PEGURUSAN STOR PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA DAN AGENSI-AGENSI DI BAWAHNYA
- PROGRAM BICARA@MUZIUM MAS SIRI 1 2023
- PROGRAM JOM CINTAI ALAM SEKITAR
- PROGRAM EKSPLORASI@MUZIUM MATANG SEMBANG SANTAI: 'TRADISI BUBUR LAMBUK NEGERI PERAK'
- PROGRAM OUTREACH CERIA MUZIUMKU SEKOLAHKU – MUZIUM CHIMNEY
- PROGRAM "KENALI MUZIUM KITA" BERSAMA MUZIUM AUTOMOBIL
- BENGKEL PEMBUATAN ANAK PANAH DAN TALI BUSUR
- PROGRAM KEMBARA MADANI 2023 NEGERI SEMBILAN

BERITA BERGAMBAR

4	MAJLIS MAKAN MALAM KESEJAHTERAAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA (HMA) PERINGKAT KEBANGSAAN 2023 DI KUCHING, SARAWAK	22
5	• FORUM PERDANA EHWAL ISLAM SEMPENA HMA 2023	23
	• BENGKEL SAPE: <i>UPLIFT YOUR SOUL WITH SAPE</i> SEMPENA SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA 2023	
7	SEMINAR HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2023	24
8	• JUALAN TERBITAN JABATAN MUZIUM MALAYSIA SEMPENA HARI MUZIUM ANTARABANGSA (HMA 2023)	25
9	• PROGRAM <i>CURATOR CRASH COURSE</i> HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2023	
10	MAJLIS MAKAN MALAM PENUTUPAN SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2023	26
11	• PROGRAM BERAMBEH DI KAMPUNG SANTUBONG HMA 2023	28
13	• AKTIVITI SEMPENA SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA DI MUZIUM TEKSTIL NEGARA	
	TAKSIDERMI <i>PANTHERA PARDUS</i>	29
14	• "SOROTAN SEJARAH DAN DIMENSI BAHARU TELEPUK: SATU KESENIAN YANG TERPINGGIR"	30
	• PROGRAM EKSPLORASI@MEDM	
	PROGRAM SEMARAK @ MUZIUM MARIN LABUAN	31
15	• PROGRAM SANTAI BERSAMA LEGEND 'THE FLYING SIKH' BERSAMA KARAMJIT SINGH	32
16	• PROGRAM MUZIUM@KOMUNITI - MATANG	
	• KENALI @MEDM DI KG PUAH	33
	• BENGKEL: KENALI WAYANG KULIT MELAYU	
17	LAWATAN PUTERA EDWARD VIII, PRINCE OF WALES KE LABUAN 17 MEI 1922	34
	MENJEJAKI SEJARAH EDWARDES TOWN LABUAN SIRI 2	36
18	• PROGRAM IBADAH QURBAN JMM 2023	38
	• BENGKEL IKAT CELUP	
	SYAIR ANAK MERDEKA	39



# Majlis Perasmian Hari Muzium Antarabangsa 2023 (HMA 2023)

Peringkat Kebangsaan Di Borneo Cultures Museum (BCM) Kuching, Sarawak

Oleh: Ahmad Miswan bin Sohiman, Bahagian Pengurusan Koleksi



**KUCHING, SARAWAK** - Majlis Perasmian Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan pada tahun 2023 di Perkarangan Borneo Culture Museum di Kuching, Sarawak telah disempurnakan oleh **Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak** pada 31 Julai 2023, pukul 11:00 pagi. Turut menghadiri program ini ialah YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara, YB Dato' Sri Haji Abdul Karim Rahman Hamzah, Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak, YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia dan Puan Nancy Haji Jolhi, Pengarah Jabatan Muzium Sarawak serta Pengarah-pengarah Muzium seluruh negara.


HMA 2023 Peringkat Kebangsaan telah bermula dari **31 Julai 2023 hingga 5 Ogos 2023** di Kuching, Sarawak.

Sejak sambutan pertama Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan pada tahun 1997, Negeri Sarawak telah menjadi tuan rumah sebanyak tiga (3) kali iaitu pada tahun 2003, 2013 dan pada tahun 2023. Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2023 pada kali

ini membawa tema **"MUZIUM, KEMAMPAHAN DAN KESEJAHTERAAN"** selaras dengan fungsi muzium dalam menyumbang kepada kesejahteraan dan pembangunan mampan masyarakat di seluruh dunia.

Objektif utama HMA 2023 Peringkat Kebangsaan ialah untuk meluaskan kesedaran dalam kalangan masyarakat terhadap kepentingan institusi permuziuman dalam menjaga dan memelihara khazanah negara. Ia juga sebagai salah satu bentuk manifestasi tanda penghargaan kerajaan terhadap sumbangan dan peranan penting yang dimainkan oleh institusi muzium. Melalui sambutan ini juga, orang ramai berpeluang dan berkesempatan untuk mengenali muzium dengan lebih dekat, mengunjungi reruai pameran dan turut serta dalam pelbagai aktiviti yang telah dirangka.

Sepanjang tempoh sambutan ini diadakan, terdapat pelbagai aktiviti menarik termasuklah reruai pameran jualan dan demonstrasi, pameran muzium-muzium seluruh negara, persembahan artis popular, persembahan kebudayaan, sukan, seminar, Forum Perdana, *Sarawak Heritage Kitchen* dan Program Berambek di Kampung Santubong.





## PAMERAN SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2023

Oleh: Izzul Nazmi bin Bokhari, Unit Pendidikan, Bahagian Pameran dan Pengembangan

Sambutan Hari Muzium Antarabangsa (HMA) Peringkat Kebangsaan 2023 telah dilaksanakan dari 31 Julai hingga 5 Ogos 2023 di Muzium Budaya Borneo, Kuching, Sarawak dengan tema “Muzium, Kemampanan dan Kesejahteraan”. Salah satu program utama ialah pameran dan pada tahun ini

sebanyak 27 penyertaan daripada muzium-muzium, agensi dan institusi telah terlibat dalam mengadakan pameran HMA ini. Kepelbagaian tema dan kreativiti setiap pempamer yang menyertai sambutan tahun ini jelas terserlah menerusi reruai pameran masing-masing. Binaan struktur pameran yang gah, koleksi dan artifak yang unik serta elemen seni, budaya, warisan dan juga penggunaan teknologi digital menjadikan elemen penting dalam reruai pameran.

Jabatan Muzium Malaysia (JMM) pula telah membawa pameran bergerak Program Citra Nusa@Muzium yang bertemakan Malaysia Tanah Airku: Dulu, Kini dan Masa Hadapan. Pameran ini memaparkan kegemilangan Malaysia Tanah Airku diperlihatkan menerusi sejarah, budaya dan warisan masyarakat pelbagai kaum yang mencirikan keunikan serta keindahan Malaysia di mata dunia. Konsep *Unity in Cultural Diversity* (Perpaduan dalam Kepelbagaian Budaya) dapat diterapkan melalui penghayatan dan pemahaman pelbagai budaya antara



Lawatan ke reruai pameran oleh YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak, YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara serta para jemputan



Petugas reruai Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) sedang melakukan demonstrasi permainan rakyat dam aji kepada pengunjung



Para Juri bersama dengan kumpulan penari zapin selepas selesai membuat penilaian dan pemarkahan di reruai Yayasan Warisan Johor



Pengunjung cilik sedang melakonkan suasana sarapan pagi di kopitiam di reruai JMM

kaum yang membawa kepada perpaduan. Pameran ini berkonsepkan *edutainment* yang menggunakan elemen infografik dan penggunaan teknologi *digital AR*, *animasi* dan *penggunaan audio visual* menjadikannya satu pengalaman yang berbeza kepada pengunjung.

Setiap reruai pameran juga turut mengadakan aktiviti dan program tersendiri bagi memeriehkan suasana di reruai seperti pertandingan silang kata, demonstrasi, persembahan kebudayaan, permainan tradisional, jualan kraftangan dan lain-lain.

Selain itu, pertandingan reruai pameran terbaik turut diadakan untuk tiga kategori iaitu reruai yang menepati tema, reruai paling kreatif dan reruai paling popular. Seramai 3 orang juri professional dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), UITM Cawangan Sarawak dan Lim Kok Wing University Borneo telah dilantik bagi menilai dan memberi pemarkahan kepada setiap reruai yang bertanding. Pemenang setiap kategori telah diumumkan semasa Majlis Penutup Sambutan HMA Peringkat Kebangsaan 2023 pada 5 Ogos 2023.



Para juri sedang mendengar taklimat mengenai reruai Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang



Pertandingan susun suai gambar interaktif (interactive jigsaw puzzle) terpantas di reruai JMM

Pemenang bagi setiap reruai ialah seperti berikut:

Bil	Kategori/ Kedudukan	Pemenang
1	<b>Mengikut Tema</b>	
	Pertama	Yayasan Warisan Johor (Gambus Johor)
	Kedua	Muzium Nelayan Tanjung Balau, Kejora ("Yok Ngombe!! @ Kg Nelayan")
	Ketiga	Balai Seni Negara (Projek "B I N" @ Kampung Muhibbah)
2.	<b>Kreatif</b>	
	Tempat Pertama	Lembaga Muzium Negeri Kedah (Nostalgia Anak Bendang)
	Tempat Kedua	Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia (Let's Get Financially Fit!)
	Tempat Ketiga	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) (Filateli: Membina Memori dan Negara)
3.	<b>Paling Popular</b>	
	Pertama	Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia (Let's Get Financially Fit!)
	Kedua	Muzium Penjara Malaysia ("Revolusi Kepenjaran")
	Ketiga	Lembaga Muzium Negeri Perak ("Dulu Ipuh: Kini Ipuh")

# Majlis Perasmian Pameran Bidan dan Ramah Mesra Aidilfitri Jabatan Muzium Malaysia

Oleh: Yusri bin Ja'afar, Bahagian Komunikasi Korporat

**KUALA LUMPUR** - Pameran Bidan ini julung-julung kalinya diadakan oleh Jabatan Muzium Malaysia. Konsep yang diketengahkan menerusi pameran ini bukan hanya sekadar mempamerkan artifak dan bahan-bahan berkait dengan dunia perbidanan tetapi turut menonjolkan kepelbagaian budaya dalam dunia perbidanan. Pameran ini turut memperlihatkan suatu perbandingan budaya dalam dunia perbidanan tradisional dan moden di Malaysia.

Majlis Perasmian Pameran Bidan telah berlangsung pada 11 Mei 2023 di Dataran Muzium Negara dan disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dan turut dihadiri tetamu jemputan termasuklah YB Tuan Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan, Y.Bhg Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara (KPN), Y.Bhg. Dato' Doktor Asmayani binti Khalib, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Kementerian Kesihatan Malaysia dan Y.Brs. Dr. Kang Tong Hum, Timbalan Ketua Setiausaha KPN.

Memetik ucapan perasmian YB Menteri, beliau menyatakan bahawa Kementerian Perpaduan Negara amat menitik beratkan elemen integrasi budaya dan kaum dalam setiap pelaksanaan program yang dianjurkan. Menerusi Pameran Bidan ini, secara tidak langsung membuka ruang kepada masyarakat umum untuk lebih memahami perbezaan dan persamaan budaya antara kaum di Malaysia, selain melihat dan merasai suasana, cara dan amalan setiap etnik khususnya aspek perbidanan yang mempunyai hubungan yang rapat dengan tradisi keilmuan tradisional masyarakat.

YB Menteri turut memaklumkan bahawa Pameran Bidan ini adalah satu usaha yang baik untuk merealisasikan nilai perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Penonjolan kepelbagaian amalan, adat dan tradisi masyarakat dalam dunia perbidanan secara tidak langsung akan melahirkan rasa saling menghormati dalam kalangan masyarakat Malaysia. Nilai-nilai ini dapat membantu dalam usaha kita membentuk identiti kebudayaan Malaysia yang boleh menjadi landasan ke arah mencapai perpaduan nasional.

Ketua Pengarah JMM dalam ucapan aluan beliau berkata, Pameran Bidan yang diadakan dengan kerjasama Bahagian Kejururawatan, Kementerian Kesihatan Malaysia merupakan salah sebuah pameran utama JMM pada tahun ini. JMM telah merancang sebanyak 146 program iaitu 12 pameran utama, 27 program signature dan 107 program pengembangan. Pameran Bidan diadakan bersempena dengan sambutan Hari Bidan Antarabangsa yang diraikan pada 5 Mei setiap tahun sebagai tanda penghargaan peranan bidan dalam memberikan perkhidmatan kesihatan kepada ibu mengandung dan anak yang bakal dilahirkan.

Kolaborasi JMM dengan Bahagian Kejururawatan, Kementerian Kesihatan Malaysia ini merupakan kerjasama kedua setelah kejayaan melaksanakan Pameran Evolusi Pakaian Seragam Jururawat pada tahun 2022. JMM mensasarkan kehadiran seramai 50,000-60,000 orang pelawat untuk pameran ini dalam tempoh tiga bulan yang bermula dari 1 Mei hingga 31 Julai 2023.

Gambaran umum berkenaan bidan khususnya bidan kampung tentunya akan terbatas kepada hal ehwal kelahiran seperti menyambut kelahiran bayi sahaja namun secara realitinya bidan kampung merupakan sosok yang amat berpengaruh dalam hierarki masyarakat khususnya dalam upacara tradisi dan keagamaan seperti perkahwinan dan kematian.

Terdapat 5 segmen iaitu segmen Pengenalan, Bidan dalam Sosio Budaya Masyarakat Tradisi, Ilmu Perbidanan Tradisional, Pantang Larang, Bidan dan Jururawat: Jalinan Harmoni Ilmu Tradisi dengan Ilmu Moden. Antara koleksi menarik yang dipamerkan ialah mangkuk mandi bayi, sengkalang, lupong manang atau bekas simpanan ubat etnik Iban dan lain-lain.

Sempena dengan perasmian ini, Jabatan Muzium Malaysia turut mengadakan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri dengan menyediakan pelbagai juadah kepada tetamu dengan selingan persembahan pentas yang dijayakan oleh Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) serta artis jemputan iaitu Dato' Hattan.





## Majlis Pra Pelancaran Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2023

Oleh: Yusri bin Ja'afar, Bahagian Komunikasi Korporat

**KUCHING SARAWAK** - Majlis Pra Pelancaran Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2023 telah berlangsung pada 12 Julai 2023. Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak, YB Dato Sri Haji Abd Karim Rahman Hamzah hadir untuk merasmikan majlis yang diadakan di Plaza Merdeka, Kuching. Dalam ucapan beliau berkata, sambutan HMA merupakan satu tanda penghargaan kepada institusi permuziuman atas peranan yang dimainkan dalam pengurusan khazanah dan warisan. Tambah beliau lagi, sambutan ini juga bertujuan untuk menyedarkan masyarakat akan pentingnya peranan muzium, memupuk minat masyarakat untuk bersama melindungi khazanah dan warisan, serta menyediakan peluang kepada orang ramai untuk mengenali muzium dengan lebih dekat.

Bagi komuniti muzium, sambutan HMA merupakan platform terbaik untuk berdiskusi, berkongsi idea dan menjalin kerjasama strategik bagi memastikan institusi permuziuman terus memenuhi keperluan dan cita rasa masyarakat. Dalam sejarah sambutan HMA di Malaysia, Sarawak pernah menjadi tuan rumah bagi sambutan HMA 2003 dan 2013. Beliau mensasarkan seramai 50 ribu pengunjung yang terdiri daripada sekolah-sekolah, Institusi Pengajian Awam dan Swasta, Persatuan-persatuan dan NGO, serta orang awam untuk turut serta dan mengambil bahagian sepanjang sambutan berlangsung.

Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia merangkap Pengerusi Sambutan Hari Muzium Antarabangsa (HMA) Peringkat Kebangsaan 2023 YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim, berkata dalam ucapannya, tema sambutan Hari Muzium Antarabangsa yang ditetapkan ICOM pada tahun ini ialah 'Muzium, Kemampanan dan Kesejahteraan' (*Museums, Sustainability and Well-Being*). Tema ini mencerminkan muzium sebagai sebuah institusi yang berkeupayaan untuk menghadapi cabaran dalam berbagai bentuk agar terus kekal relevan serta eksklusif dalam melaksanakan fungsi-fungsinya. Kemampanan dan kecekalan muzium mendepani cabaran-cabaran bagi membangun dan memimpin masyarakat untuk bersama-sama mengubah dunia ke arah kesejahteraan.

Dalam konteks ini, muzium sebagai sebuah institusi yang menghubungkan masa lalu dan masa kini, mempunyai kemampuan untuk mencetus idea-idea baharu yang bermanfaat kepada masyarakat dan membimbing ke arah kemajuan, perpaduan dan keharmonian.

Menerusi tema ini, muzium akan terus memperkukuh fungsi dan peranannya dalam melestari koleksi khazanah negara, menerokai lebih banyak idea baharu serta mempelbagaikan program dan aktiviti permuziuman ke arah pembentukan masyarakat yang sejahtera dan harmoni. Semua ini membuktikan kesatuan dan kerjasama yang sangat utuh di antara muzium-muzium yang terlibat khususnya dalam usaha mengangkat dan memartabatkan institusi permuziuman sebagai institusi penting yang menyumbang kepada pembangunan sosial khususnya terhadap pembinaan jati diri bangsa dan negara.

Turut hadir meraikan majlis, YB Datuk Sebastian Ting Chiew Yew, Timbalan Menteri Pelancongan Sarawak, YB Datuk Snowdan Lawan, Timbalan Menteri Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak, YBhg. Datu Sherrina Hussaini, Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Industri dan Seni Persembahan Sarawak, YBrs. Puan Nancy Jolhi, Pengarah Jabatan Muzium Sarawak, YBrs. Encik Mohd. Shawali bin Haji Badi, Timbalan Ketua Pengarah Dasar JMM, YBrs. Encik Mohd. Razaimi bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah Permuziuman JMM, Pengarah-pengarah Muzium Negeri, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi, Pegawai-pegawai Jabatan Muzium Malaysia dan Jabatan Muzium Sarawak, Institusi Pengajian Tinggi, UNIMAS dan UiTM, Sarawak Tourism Board dan rakan-rakan media tempatan.

Pada majlis ini juga, YB Dato Sri Abdul Karim bersama barisan tetamu kehormat menyantuni Persatuan Pemandu Pelancong, Sarawak Heritage Society, Persatuan Berbasikal Sarawak, Syarikat Perkhidmatan e-hailing dan Maxim dengan meletakkan pelekat kenderaan sebagai simbolik bermulanya promosi bergerak terhadap sambutan yang bakal berlangsung.



## PROJEK PENYELAMATAN KOLEKSI MUZIUM DIRAJA

Oleh: Mohammad Umair bin Abd Rahim,  
Bahagian Pengurusan Koleksi


**KUALA LUMPUR** - Muzium Diraja (MDR) pernah menjadi pusat pentadbiran Yang di-Pertuan Agong telah diisytihar sebagai Warisan Kebangsaan pada tahun 2007. Muzium ini ditutup sementara bagi membolehkan pelaksanaan kerja-kerja naik taraf bangunan bermula sejak bulan Mac 2023 hingga 2025. Rentetan itu, Bahagian Pengurusan Koleksi (BPKol) telah bertindak sebagai penyelaras bagi kerja penyelamatan koleksi di muzium berkenaan. Terdapat lima kaedah gerak kerja utama yang dilaksanakan mengikut piawaian permuziuman iaitu melindungi koleksi daripada risiko kerosakan sepanjang proses naik taraf, mendokumentasi bilangan dan status koleksi, menyediakan ruang penyimpanan sementara yang bersesuaian, memastikan koleksi dipindahkan ke ruang penyimpanan sementara dengan selamat serta memastikan koleksi asal bangunan Muzium Diraja terpelihara bagi mengekalkan nilai keasliannya.

Kerja-kerja penyelamatan koleksi telah dimulakan dengan penilaian risiko dan identifikasi status koleksi yang dilaksanakan bersama Bahagian Pengurusan Konservasi (BPKon), Unit Pembangunan dan Pengurusan Harta (UPPH) dan MDR. Seterusnya koleksi yang telah dikenalpasti dikelaskan mengikut kategori dan saiz bagi penyediaan spesifikasi kerja pembungkusan dan pemindahan koleksi berkaitan ke ruang penyimpanan sementara.

Bagi koleksi boleh alih iaitu yang tidak bercantum secara langsung kepada fasad bangunan dan tidak berisiko besar akan dipindahkan ke ruang penyimpanan sementara. Koleksi yang tidak boleh alih akan dikekalkan di lokasi asal. Koleksi yang dimaksudkan terdiri daripada 1,902 unit candelier yang boleh alih dan 577 unit candelier tidak boleh alih. Sementara itu kesemua koleksi yang bersaiz kecil turut ditempatkan di ruang simpanan sementara iaitu di gymnasium MDR. Keseluruhan kerja-kerja penyelamatan dan pemindahan koleksi ini mengambil masa selama 20 hari dan telah selesai sepenuhnya.

## Lawatan Kerja Rasmi YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara ke Muzium Matang.

Oleh: Nor Aini binti Hassan, Muzium Matang



**MATANG** -7 Mei 2023 (Ahad) lalu Muzium Matang telah menerima kunjungan YB Datuk Aaron Ago Dagang Menteri Perpaduan Negara. Beliau turut diiringi YBrs. Dr. Kang Tong Hum, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia (JMM), YBrs. Encik Mohd Razaimi bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Perpaduan Negara, Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional serta pegawai kanan JMM. Program lawatan turut disertai oleh Yang Berbahagia Dato' Wan Mohd Isa bin Dato' Hj Wan Mohd Razalli, Orang Kaya Menteri Paduka Tuan, merangkap Orang Besar Jajahan, Larut, Matang dan Selama, Negeri Perak serta wakil-wakil jabatan kerajaan peringkat daerah

Dalam lawatan tersebut, YB Menteri dan rombongan telah diberikan taklimat di Dewan Seminar Muzium Matang berkaitan program permuziuman di negeri Perak. Ketua Muzium Matang telah memberi taklimat tentang Muzium Matang dan Program Citra Nusa@Muzium Matang, Puan Zarinah binti Sarifan, Pengarah Muzium Perak pula menyampaikan taklimat mengenai Muzium Perak dan Puan Hazirah binti Yusop, Jurutera Unit Pembangunan Harta, JMM membuat pembentangan tentang permohonan projek bagi RMK-12 (RP4).

YB Menteri seterusnya dibawa melawat ke Galeri Rumah Nгах Ibrahim dan Galeri Rumah Pengawal Keselamatan Nгах Ibrahim (Kapten Speedy). Program lawatan ini amat bermakna dan menunjukkan keperihatinan YB Menteri dan Kementerian Perpaduan Negara dalam menjadikan muzium sebagai agen utama perpaduan dan seterusnya mengukuhkan lagi peranan penting muzium dalam komuniti.



# Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2023 Kuching Sarawak

Oleh: Yusri bin Ja'afar, Bahagian Komunikasi Korporat

**KUCHING** - Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) merupakan salah satu inisiatif di bawah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI, yang disambut di seluruh negara pada minggu terakhir bulan Mei setiap tahun. Bertemakan 'PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN', sambutan SMP telah diadakan di seluruh negara mulai 20 hingga 28 Mei 2023 di 16 lokasi berbeza. Pada tahun ini, Kuching dipilih sebagai tuan rumah bagi sambutan peringkat kebangsaan, bersempena dengan pengiktirafannya sebagai Bandaraya Perpaduan. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) bertindak sebagai tunjang utama bagi menggerakkan pelbagai agensi di peringkat Persekutuan dan kerajaan Negeri dalam melaksanakan program dan aktiviti berkaitan.

KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah berkenan berangkat mencemar duli bagi menyempurnakan majlis perasmian sambutan ini. Turut hadir mengiringi Baginda Tuanku ialah Tuan Yang Terutama, Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, barisan Menteri Kabinet Persekutuan dan Negeri serta tetamu jemputan khas. Dalam majlis tersebut, Baginda Tuanku bertitah agar semua rakyat Malaysia seharusnya menjadikan nilai perpaduan sebagai aset negara yang utama sekali demi masa depan, mengurangkan perbezaan sesama rakyat antara setiap kaum, bangsa dan agama serta menekankan kepentingan memupuk semangat perpaduan bermula dari rumah.

Baginda turut berkenan melancarkan lagu tema perpaduan bertajuk "Setia Perpaduan", yang menggabungkan pelbagai



bahasa dan dialek di Malaysia. Lagu tersebut adalah hasil cetusan idea Yang Di-Pertuan Agong dan ciptaan Datuk DJ Dave, manakala liriknya ditulis oleh Profesor Dr. Lim Swee Tin. Majlis telah dimeriahkan dengan persembahan MADANI Perpaduan dan persembahan kapsul Suara Anak Malaysia oleh barisan artis terkenal tanah air.

SMP turut menggabungkan agensi-agensi di bawah KPN bagi mengadakan pameran selain bertindak sebagai petugas acara sepanjang sambutan berlangsung. Jabatan Muzium Malaysia (JMM) tidak ketinggalan dan turut mempamerkan koleksi bertemakan Permainan Tradisional. Selain itu beberapa aktiviti lain juga berlangsung yang melibatkan penyertaan orang ramai seperti *Unity Run*, *Battle of The Band*, Pekit Kumang dan sebagainya.

Kementerian Perpaduan Negara pula telah dianugerahkan Sijil Pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) bagi dua kategori sempena SMP iaitu peserta paling ramai memakai pakaian etnik dalam satu program dan penyertaan kumpulan etnik paling banyak dalam pameran kebudayaan. Anugerah tersebut telah diserahkan oleh Malaysia Book of Records diwakili Penganalisis Penyelidikan, Siti Nurhanim Mohd Noh dan Eksekutif Akaun, Mohamad Nazrul Hafizi Ahmad Fauzi kepada Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang. Menurut YB Menteri, pengiktirafan rekod bagi kedua-dua kategori ini bukan hanya sekadar untuk mendapatkan sijil sahaja, tetapi membuktikan keakraban, keharmonian dan jalinan perpaduan yang sangat utuh dalam kalangan rakyat Malaysia.



## Kajian Dan Dokumentasi Kegunaan Buluh Dalam Masyarakat Orang Asli Semai di Pahang

Oleh: Hartini a/p Anjang & Anizam bin Mat Tahar, Muzium Senikraf Orang Asli

Satu kajian lapangan telah dijalankan oleh kakitangan Muzium Seni Kraf Orang Asli di beberapa perkampungan Orang Asli Semai disekitar Kuala Lipis, Pahang. Kajian ini bertujuan untuk mengumpul data dan merekod segala butiran mengenai jenis buluh yang diketahui oleh masyarakat Orang Asli Semai di Pahang. Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah secara temu-bual, soal selidik dan pemerhatian (*observasi*).


Lokasi pertama kajian ialah diperkampungan Tanjung Gahai, Kuala Lipis, Pahang. Menurut Saudara Achom Luji yang juga merupakan seorang budayawan Orang Asli, buluh dalam masyarakat Orang Asli adalah pohon yang mempunyai satu kehidupan kebersamaan. Material ini adalah pilihan utama dalam pembuatan alatan kesenian, senjata dan perkakasan harian. Terdapat juga buluh yang dikatakan mempunyai semangat tersendiri iaitu buluh perindu (*lun luhell*), mereka percaya tumbuhan ini dijaga oleh semangat ghaib dan hanya dijelmakan apabila direstu oleh pemiliknya. Selain itu, buluh yang ganjil seperti buluh tumpat juga mempunyai ciri istimewa seperti mampu menundukkan binatang yang gagah. Menurut Achom lagi, sesetengah kegunaan buluh lazimnya diarahkan melalui mimpi oleh Tok Halaq.

Kami juga berkesempatan menemuramah Bidan Tindan binti Busu. Menurut beliau buluh juga berfungsi sebagai perkakasan menyambut kelahiran anak dalam masyarakat Semai. Tali pemotong pusat yang dipanggil *sengyeg* diperbuat daripada buluh untuk dijadikan sembilu tajam. Selain itu, alatan memandikan bayi yang baru lahir dikenali sebagai *panchor* diperbuat daripada buluh yang diisi dengan haruman aromaterapi seperti daun *selbok*, akar *cengchok*, daun *chalun* serta bunga-bunga yang berbau harum. Dalam masyarakat Orang Asli Semai, bidan mempunyai kedudukan yang tinggi dan digelar *tuhat* ketika proses menyambut kelahiran.

Lokasi kedua kajian ialah di Kampung Sungai Stor, dimana kami menemui Batin Yai a/l Penghulu Senaleh. Beliau menerangkan tentang beberapa petua mengikut kegunaan buluh yang biasa diamalkan untuk menjaga ketahanan buluh itu agar kekal lama. Antara petuanya

ialah tidak mengambil buluh ketika tempoh bulan mengambang kerana dikatakan bahawa buluh dalam tempoh tersebut amat rapuh dan mudah dimakan bubuk.

Kegunaan buluh dalam kearifan tempatan yang diolah oleh masyarakat Orang Asli Semai membentuk suatu pemikiran secara logik melalui pengalaman, peraturan, kesesuaian dan ekspresi mereka. Kesemua ini diadun dan mencetus kreativiti ciptaan peralatan untuk digunakan mengikut keperluan mahupun harian. Sebagai contoh, buluh yang hendak dibuat alatan tertentu terlebih dahulu dibuat pengecaman jenis buluh melalui bentuk urat serta bau buluh.



Peta kawasan kajian



Bergambar bersama dengan penduduk kampung

Berdasarkan kajian di dua kampung tersebut, satu senarai semak jenis-jenis buluh mengikut kegunaan masyarakat Orang Asli Semai berjaya direkodkan dalam kajian ini;

Bil	Nama Buluh dalam bahasa Semai	Kegunaan/Keistimewaan
1.	Buluh Semeliang/Buluh liaq	membuat alatan muzik centong/rentak bunyi
2.	Buluh Kiel	membuat rumah/tidak setahan buluh bersieq
3.	Buluh Bersieq	membuat lantai rumah/tidak dimakan bubuk
4.	Buluh Temelian/Blau	boleh dibuat sumpitan
5.	Buluh Sewor	boleh dibuat sumpitan
6.	Buluh Pleer	untuk dibuat alatan muzik (pensol)/nipis
7.	Buluh Aur/Hawur	perkakasan rumah /sumber makanan (rebung)
8.	Buluh Betong	perkakasan rumah /sumber makanan (rebung)
9.	Buluh Perindu	buluh yang mempunyai semangat
10.	Buluh Semenaq	buluh paling kecil
11.	Buluh Plaq	membuat tongkat
12.	Buluh Ngat/Puoq	boleh dijadikan ulam
13.	Buluh Senteq	mempunyai rebung yang sedap
14.	Buluh Peh	membuat dinding rumah/tidak dimakan bubuk
15.	Buluh Padi	perkakasan rumah
16.	Buluh Senloi	boleh dibuat sumpitan
17.	Buluh Temiang	dibuat perkakasan seperti raga dan lukah
18.	Buluh Kedeq	boleh dibuat sumpitan
19.	Buluh Kabang	boleh dibuat sumpitan
20.	Buluh Lempa	boleh dibuat sumpitan
21.	Buluh Sengarut	buluh paling besar /sama besar dengan buluh betong
22.	Buluh Telur	sebagai pengukus makanan
23.	Buluh Kuning	membuat sikat buluh



Buluh Perindu



Buluh Semeliang



Buluh Galah



Buluh Betong

## PROGRAM BICARA@MUZIUM “PELABUHAN YANG HILANG”

Oleh: Nor Aini binti Hassan, Muzium Matang

**MATANG** – Pada 23 Mei 2023 (Selasa) Muzium Matang telah menganjurkan program Bicara@Muzium secara dalam talian dengan tajuk “Pelabuhan Yang Hilang”. oleh Profesor Madya Dr. Haji Ahmad Jelani bin Halimi bersama-sama Puan Hawariah binti Ismail selaku moderator. Program yang berlangsung selama satu jam setengah ini telah disertai seramai 548 orang peserta.

Dalam sesi bicara ini pembentang banyak menyentuh tentang kerajaan kuno di negeri Perak selain turut menyertakan bukti arkeologi yang menunjukkan negeri Perak telah didiami sejak zaman prasejarah sehingga kemunculan kerajaan bertamadun pertembungan budaya asing serta bagaimana Hindu/Buddha tersebar di Tanah Melayu ketika itu.

Menurut beliau lagi, salah satu kerajaan tua yang wujud di Perak ialah Gangga Negara yang berpusat di Beruas. Berdasarkan arca-arca Buddha yang ditemui berkemungkinan Kerajaan Gangga Negara wujud pada abad Ke-5 atau abad Ke-6 Masihi. Berdasarkan cerita lisan dikatakan bahawa atap istana Raja berbumbungkan emas, dapurnya dihiasi perak dan dinding istana dipenuhi batu permata serta terdapat juga dua buah perigi yang disaluti emas. Kerajaan Gangga Negara dikatakan sebuah kerajaan yang kuat dan mampu menentang Kerajaan Srivajaya sebelum diserang dan dimusnahkan oleh angkatan Raja Chola dari India.



## EKSPLORASI TEKSTIL @ MUZIUM TEKSTIL NEGARA SEMPENA SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA 2023

Oleh: Salmiahwati binti Djafar, Muzium Tekstil Negara

**KUALA LUMPUR** - 18 Mei merupakan sambutan Hari Muzium Antarabangsa (HMA) yang diraikan pada setiap tahun oleh muzium-muzium di seluruh dunia. Pada tahun ini, tema sambutan HMA ialah “Muzium, Kemampanan dan Kesejahteraan”. Bersempena sambutan HMA pada tahun ini, Muzium Tekstil Negara (MTN) telah mengadakan beberapa program seperti Pertandingan Eksplorasi Tekstil @ Muzium Tekstil Negara DIY kraf Warisan: Dokoh, aktiviti mewarna batik, serta hadiah kepada pengunjung bertuah.

Pertandingan Eksplorasi Tekstil @ Muzium Tekstil Negara telah menampilkan sebanyak 16 kumpulan dan setiap kumpulan dianggotai oleh tiga orang ahli daripada pelbagai kaum. Pertandingan ini berkonsepkan *edutainment* dalam mempelajari dan mengenali dunia tekstil dan sejarah Muzium Tekstil Negara, disamping merebut hadiah istimewa yang dipertandingkan.

Setiap kumpulan yang bertanding perlu memilih sampul tugas bertema yang disediakan dan hanya kumpulan yang terpantas menyelesaikan semua cabaran tugas akan dinobatkan sebagai pemenang. Cabaran tugas yang diberikan ialah mencantumkan ‘puzzle’ koleksi, DIY sanggul lintang, membuat lipatan batik ikatan ombak mengalun, membuat ikatan samping juntaian kasih, kenali seni tekstil, soalan kuiz MTN dan memadamkan motif-motif tekstil.

Pertandingan Eksplorasi Tekstil @ MTN ini telah dimenangi oleh kumpulan Textile Titans dari Universiti Malaya, diikuti kumpulan Tuah dari Universiti Pendidikan Sultan Idris di tempat kedua dan kumpulan Bayu juga dari Universiti Pendidikan Sultan Idris di tempat ketiga. Program ini akhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang oleh Pengarah MTN.



## RERUI BUKU JABATAN MUZIUM MALAYSIA SEMPENA PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR (PBAKL)

Oleh: Fandy Izuan bin Johari, Pustaka Jabatan Muzium Malaysia



**KUALA LUMPUR** - Sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) yang telah berlangsung dari 26 Mei 2023 hingga 4 Jun 2023, Unit Perpustakaan, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi (BPD) tidak ketinggalan untuk turut serta membuka rerui di pesta buku tersebut. PBAKL 2023 yang berlangsung selama 10 hari di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) itu menempatkan lebih 800 rerui pameran membabitkan lebih 200 penerbit tempatan dan antarabangsa.

Pada pesta buku kali ini, sebanyak 80 judul terbitan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dibawa untuk jualan melibatkan 8 petugas secara bergilir untuk menerima kehadiran pengunjung dari dalam dan luar negara. Sambutan amat menggalakan dan sebanyak 268 naskhah buku terbitan JMM telah berjaya dijual.

Para pengunjung amat teruja dengan terbitan-terbitan JMM yang dibawa pada kali ini terutama sekali ibu-bapa dan anak-anak yang mengambil kesempatan semasa musim cuti persekolahan. Sambil membelek buku-buku terbitan Jabatan yang dipamerkan, para pelawat turut bertanya kepada petugas tentang JMM dan pameran muzium-muzium cawangannya.

Selain itu, terdapat juga para pembekal dan vendor buku yang turut membuat pertanyaan dan mengambil tempahan awal untuk organisasi, jabatan, Institusi Pengajian Tinggi (IPT), sekolah dan individu. Keadaan sebegini dilihat sebagai satu perkembangan yang positif untuk JMM terus menghasilkan banyak lagi terbitan berkualiti di masa akan datang.

Hasil maklum balas positif dan jumlah jualan yang memberangsangkan ini, memangkin Unit Perpustakaan, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi (BPD) untuk terus berusaha untuk memastikan terbitan-terbitan JMM mendapat tempat dihati para pencinta buku dan secara tidak langsung menggalakan budaya membaca dalam kalangan masyarakat.

## PROGRAM EKSPLORASI MENELUSURI MUZIUM KOTA KUALA KEDAH

Oleh: Zamzarina binti Khalid, Muzium Kota Kuala Kedah



**KOTA KUALA KEDAH** - Pada 18 Mei 2023, Muzium Kota Kuala Kedah telah mengadakan program Eksplorasi Menelusuri Muzium Kota Kedah. Program yang bertujuan untuk menarik minat para pelajar terlibat supaya lebih mengetahui tentang sejarah Kota Kuala Kedah sebagai benteng pertahanan Melayu tertua di utara Semenanjung Malaysia.

Seramai 48 orang pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Ampang, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pantai, Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Rotan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Laksamana telah mengambil bahagian dalam program ini. Para pelajar telah dibahagikan kepada lapan kumpulan dan setiap kumpulan pelajar perlu menyelesaikan tugas di setiap *checkpoint* yang disediakan. Antara tugas di setiap *checkpoint* termasuklah menjawab soalan kuiz berkaitan sejarah Kota Kuala Kedah, mencari perkataan tersembunyi, menyelesaikan *puzzle*, tugas arkeologi, tugas penyimpanan artifak dan tugas menyediakan makanan tradisional Negeri Kedah. Program ini diakhiri dengan majlis penutup dan penyampaian hadiah serta sijil kepada para pelajar.



## MUZIUM CHIMNEY IKON KEBANGSAAN PERLOMBONGAN ARANG BATU TERAWAL DI MALAYSIA

Oleh: Zainon Halon, Muzium Chimney

**LABUAN** - Pada 12 Julai 2023, Muzium Chimney telah menganjurkan Bicara@Muzium secara atas talian yang menampilkan seorang pakar geologi negara iaitu YBhg. Prof. Dr. Che Aziz bin Ali, Felo Bersekutu Utama Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau banyak terlibat di dalam projek pemuliharaan geowarisan, pembangunan geopark serta geopelancongan di Malaysia dan juga Asia Tenggara. Sesi bicara pada kali ini telah mengupas topik peradaban awal Labuan serta peranan Muzium Chimney sebagai ikon kebangsaan yang memantapkan segala aspek *in-situ* sejarah perlombongan arang batu terawal di Malaysia.

Menurut Prof. Dr. Che Aziz, arang batu dalam perspektif geologi lebih dikenali sebagai istilah batu arang kerana bahan ini ialah sebahagian daripada batuan sedimen. Di Malaysia, batu arang banyak ditemui di Perlis, Selangor, Sarawak, Sabah dan juga Labuan yang dahulunya pernah dikeluarkan secara besar-besaran. Kesan daripada aktiviti perlombongan pada masa lampau maka wujud beberapa muzium utama di Malaysia yang mengkhusus kepada sejarah perlombongan batu arang seperti Muzium Chimney di Wilayah Persekutuan Labuan dan Muzium Lapangan Batu Arang di Selangor.

Berdasarkan rekod, sejarah awal penggunaan batu arang telah dikesan sejak 3,000 atau 4,000 tahun yang lampau dengan berbagai kaedah penggunaannya oleh masyarakat tamadun awal hingga ke era kemuncak Revolusi Perindustrian di England yang menjadi titik tolak evolusi pengeluaran batu arang dunia. Jika dilihat pada garis masa sejarah perlombongan batu arang di Asia Tenggara, Indonesia merupakan negara pertama yang menjalankan aktiviti perlombongan batu arang pada tahun 1846 diikuti Labuan pada tahun 1847, Vietnam pada tahun 1888, Thailand pada tahun 1917, Myanmar dan Laos pada tahun 1970 dan Filipina pada tahun 1976. Di Malaysia, tapak perlombongan Silimponon di Tawau, Sabah telah bermula pada tahun 1905 agak lewat berbanding Labuan. Batu Arang di Selangor pada tahun 1913 dan Silantek di Sarawak pada tahun 1920. Melalui fakta-fakta ini, jelas menunjukkan bahawa Labuan memegang rekod membanggakan dan amat signifikan bukan sahaja dalam konteks sejarah perlombongan batu arang terawal di Malaysia tetapi yang kedua tertua di Asia Tenggara. Inilah yang menjadi faktor utama pengiktirafan Labuan sebagai tapak Geopark Kebangsaan kerana aspek warisan geologi dan sejarah yang dimilikinya.

Muzium Chimney pula berfungsi sebagai muzium tapak yang mempamerkan koleksi artifak industri perlombongan batu arang Labuan di tapak perlombongan utama di Tanjung Kubong. Ia dibina berhampiran sebuah menara batu bata yang dikenali sebagai Chimney atau Punil oleh penduduk tempatan. Turut dipaparkan juga sejarah sistem pengangkutan keretapi yang merupakan antara yang terawal beroperasi di Malaysia iaitu pada tahun 1893 lapan tahun selepas beroperasinya sistem pengangkutan keretapi pertama yang menghubungkan Taiping dengan Port Weld pada tahun 1885 di Tanah Melayu. Keretapi adalah pengangkutan penting untuk membawa batu arang dari tapak-tapak perlombongan di Tanjung Kubong ke tapak pengumpulan di Pelabuhan Labuan.

Menerusi perkongsian ilmu ini, diharap akan dapat membangunkan serta mengembangkan lagi peranan Muzium Chimney selaku muzium utama sejarah perlombongan batu arang negara. Pelbagai inisiatif khususnya penyelidikan lanjutan juga perlu dilakukan bagi melengkapkan fakta sedia ada agar peranan muzium ini terus relevan, dalam mendepani arus perdana.



## KURSUS PEMANTAPAN PEGURUSAN STOR PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA DAN AGENSI-AGENSI DIBAWAHNYA

Oleh: Juliyana binti Othman, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

**PUTRAJAYA** – Pada 11 Julai 2023 yang lalu telah berlangsungnya Kursus Pemantapan Pengurusan Stor Pusat Tanggungjawab (PTJ) Kementerian Perpaduan Negara dan Agensi-agensi di bawahnya di Dewan Serbaguna Aras 1, Blok F9. Kursus ini telah dirasmikan oleh SUBK(P) Puan Norihan binti Mohamed Naim. Tujuan utama kursus ini diadakan ialah bagi memantapkan pengurusan stor di Kementerian Perpaduan Negara serta agensi-agensi di bawahnya agar dapat mencapai pengurusan stor yang cemerlang bagi tahun 2023.

Modul kursus telah disampaikan oleh Puan Komathi Mohana Dass dari Program Pengajian Ekonomi dan Kewangan Awam, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Bukit Kiara, melibatkan para peserta terdiri daripada pegawai dan kakitangan yang terlibat sebagai pegawai stor sama ada stor utama, pusat atau negeri serta yang terlibat sebagai pelulus, penerima atau pemverifikasi di setiap jabatan dan agensi.

Melalui kursus ini para peserta didedahkan kepada perancangan perolehan yang sempurna bagi mengelak pembaziran dan mengikut peraturan dan prosedur yang ditetapkan serta aset dapat digunakan secara ekonomi, cekap dan berkesan untuk tujuan rasmi. Bukan itu sahaja, rekodan yang sempurna dan pemeriksaan daripada pihak yang bertanggungjawab secara berkala juga dapat memudahkan pengesanan serta penyalahgunaan harta kerajaan. Melalui kursus ini juga para peserta dapat berkongsi pandangan dan pengalaman berkaitan isu dan masalah yang dihadapi dalam pengurusan stor di jabatan atau agensi masing-masing dan tindakan yang perlu dilakukan bagi memastikan pengurusan stor berada dalam keadaan yang mantap dan berkesan.



Para peserta sedang kusyuk mendengar tentang prosedur berkaitan pengurusan stor

## PROGRAM BICARA@ MUZIUM SIRI I TAHUN 2023

Oleh: Intan Khafdzrillia binti Fadzri, Muzium Alam Semula Jadi

**KUALA LUMPUR** - Pada 21 Jun 2023 (Rabu), Muzium Alam Semula Jadi (MAS) telah mengadakan program Bicara@Muzium Siri I bagi tahun 2023. Program ini telah diadakan secara atas talian melalui platform *Zoom Meeting* dengan menampilkan seorang ahli panel jemputan dari Jabatan Perhilitan iaitu Encik Hazril Rafhan bin Abdul Halim, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Konservasi dan Hidupan Liar di ibu pejabat Perhilitan. Beliau sangat berpengalaman dalam bidang mamalia terutamanya berkaitan harimau selain turut menjadi pegawai rujuk berkaitan Harimau Malaya. Beliau mengupas taju "Selamatkanlah Pak Belang" dalam bicara kali ini selaras dengan objektif program untuk menyebarkan maklumat kepada masyarakat tentang spesies khazanah negara yang diancam kepupusan ini.

Sepanjang program bicara ini, penceramah telah mengupas lanjut topik yang merangkumi pemerkasaan undang-undang Akta Pemeliharaan Hidupan Liar (2010) dengan menjadikan Harimau Malaya (*Pantheria tigris*) sebagai fokus utama. Antara yang turut dibincangkan termasuklah status Harimau Malaya, biologi Harimau Malaya, pemburuan haram, kejadian *roadkill* yang melibatkan Harimau Malaya, serta topik-topik lain yang berkaitan. Program ini telah berjaya menarik seramai 247 orang peserta melalui saluran *zoom meeting* yang terdiri daripada orang perseorangan, kakitangan agensi awam dan juga swasta. Diharapkan dengan perkongsian ilmu program bicara seperti ini akan dapat membuka mata para peserta khususnya tentang kepentingan pemeliharaan hutan serta populasi harimau belang serta menyedari akan perlunya menjaga ekosistem hutan di negara kita.





## Program JOM CINTAI ALAM SEKITAR

Oleh: Zamzarina binti Khalid, Muzium Kota Kuala Kedah



**KOTA KUALA KEDAH** - Pada 27 Mei 2023 Kolej Poly-Tech Mara dengan kerjasama Muzium Kota Kuala Kedah telah mengadakan Program Jom Cintai Alam Sekitar. Program yang melibatkan 48 orang pelajar dan seorang pensyarah telah bermula pada jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Objektif pelaksanaan program ini ialah untuk memenuhi keperluan tugas kursus "Khidmat Masyarakat" bagi pelajar program Diploma Pengurusan Perniagaan selain memberi peluang kepada mereka untuk memperolehi pengalaman dan maklumat terkini yang boleh digunakan dalam industri.

Pengisian program bermula dengan aktiviti gotong royong disekitar pantai Kuala Kedah dan berakhir dalam kawasan Muzium Kota Kuala Kedah. Kemudian para pelajar dan pensyarah diberikan lawatan berpandu ke galeri pameran dan sekitar Kawasan Muzium Kota Kuala Kedah. Program seperti ini bukan sahaja mampu meluaskan jaringan kerjasama diantara muzium dengan agensi luar malahan turut memberi peluang kepada para pelajar mengenali fungsi dan kepentingan muzium dalam menghargai warisan sejarah bangsa.

## PROGRAM EKSPLORASI @ MUZIUM MATANG

Oleh: Nor Aini binti Hassan, Muzium Matang

**MATANG** - Pada 10 Jun 2023 (Sabtu) telah berlangsungnya Program Eksplorasi@Muzium anjuran Muzium Matang bersama Pusat Latihan Teknologi Tinggi, Taiping (ADTED) yang melibatkan seramai 100 orang pelajar. Program ini bertujuan untuk memberi penghayatan dan kefahaman kepada para peserta mengenai sejarah Kota Ngah Ibrahim menerusi aktiviti yang dijalankan.

Antara aktiviti termasuklah lawatan ke galeri, pertandingan kuiz, permainan teka silang kata dan lain-lain lagi. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan berjaya memberi pengalaman baru kepada para peserta.



## PROGRAM OUTREACH CERIA MUZIUMKU SEKOLAHKU

Oleh: Zainon Halon, Muzium Chimney

**LABUAN** - Program Ceria Muziumku Sekolahku anjuran Muzium Chimney telah berjaya dilaksanakan pada 29 Julai 2023 melibatkan muzium-muzium di Wilayah Persekutuan Labuan dan disertai seramai 40 orang pelajar dan 8 orang guru panitia sejarah dari beberapa buah sekolah terpilih iaitu SMK Mutiara, SMK Pantai, SMK Lajau dan SMK Labuan. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang khazanah warisan sejarah dan budaya negara.

Program dimulakan seawal 7 pagi dengan sesi pendaftaran peserta di Muzium Labuan disusuli dengan sesi taklimat, lawatan berpandu ke galeri dan sesi Jom Bamukun Kadayan bersama Kumpulan Mukun Anak Labuan (KUMALA) daripada Persatuan Kadayan Labuan. Di dalam sesi ini, para peserta telah berpeluang mengenali dengan lebih dekat keunikan budaya bamukun oleh masyarakat Kadayan di Labuan dan Borneo. Bamukun ialah upacara bertandak (menari) dan berbalas pantun yang diselangi irama gendang dikenali sebagai 'tambuu' dalam Bahasa Kadayan. Pada masa dahulu, budaya tradisi ini menjadi acara utama di dalam majlis-majlis perkahwinan, keramaian, membuka kawasan baharu dan perayaan musim menuai padi yang lebih dikenali sebagai acara Makan Tahun. Malah budaya ini turut dijadikan platform mencari jodoh bagi para teruna dan dara Kadayan pada masa dahulu.

Usai bamukun, para peserta kemudiannya dibawa ke Muzium Marin bagi menyertai aktiviti lawatan berpandu mengenali pelbagai spesies hidupan marin yang terdapat di perairan Labuan dan mencanting batik hidupan marin.

Seterusnya peserta ke Muzium Chimney pula untuk aktiviti kenali sejarah Chimney, sesi refleksi yang menguji kefahaman pelajar di sepanjang program serta aktiviti membuat tirarium lapisan arang batu.

Penganjuran program pendidikan ini dan yang seumpamanya diharap dapat menyalurkan lebih banyak maklumat mengenai peranan dan fungsi muzium. Rata-rata peserta dan guru-guru yang terlibat menyatakan program ini merupakan program yang amat baik kerana mengaplikasikan kaedah pendekatan belajar sejarah yang menarik dan santai serta mampu memupuk minat pelajar terhadap muzium.



### Program "Kenali Muzium Kita" Bersama

## SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BANDAR BARU SALAK TINGGI

Oleh: Safia binti Ismail, Muzium Automobil Nasional

**SEPANG** - Program Kenali Muzium Kita anjuran Muzium Automobil Nasional (MAN) dengan kerjasama Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi (SMK BBST) telah dilaksanakan pada 14 Jun 2023 (Rabu) bermula dari jam 9.00 pagi hingga 1 tengahari. Program ini merupakan inisiatif pembelajaran tidak formal yang dianjurkan oleh MAN khusus untuk para pelajar SMK BBST yang diketuai oleh Nursyahir Hanif bin Khirunzian bersama Mohd Shaiful Anuar bin Damanuri dan dibantu oleh Irawati binti Munajat (Bahagian Pengurusan Konservasi). Seramai 5 orang guru dan 45 pelajar terdiri daripada pelajar tingkatan 1, 2 dan 3 terlibat dalam program ini.

Para pelajar diberi taklimat berkenaan penubuhan Muzium Automobil Nasional dan pelbagai aktiviti yang menarik turut diadakan. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah penghasilan acuan dan replika magnet peti sejuk menggunakan *alginate* dan *plaster of paris*, cari perkataan tersembunyi dan kuiz berkaitan Muzium Automobil Nasional. Para pelajar turut didedahkan kepada proses menghasilkan acuan dan replika seperti bancuhan *alginate*, bancuhan *plaster of paris*, teknik menanggalkan acuan, proses pengeringan dan proses mewarna. Sementara menunggu proses pengeringan selesai, para pelajar disajikan dengan aktiviti mencari perkataan tersembunyi dan kuiz.

MAN merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Pengetua SMK Bandar Baru Salak Tinggi dan guru-guru yang terlibat di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan sepanjang penganjuran program ini berlangsung. Penganjuran program seumpama ini diharap bukan sahaja dapat dijadikan sebagai medan untuk memperluaskan ilmu pengetahuan malahan sekaligus dapat merapatkan jurang hubungan dengan masyarakat serta memupuk kesedaran terhadap pentingnya khazanah negara.



# Bengkel PEMBUATAN ANAK PANAH DAN TALI BUSUR

Oleh: Zamzarina binti Khalid, Muzium Kota Kuala Kedah

**KOTA KUALA KEDAH** - Pada 6 Mei 2023 Muzium Kota Kuala Kedah telah menganjurkan Bengkel Pembuatan Anak Panah Dan Tali Busur. Bengkel ini merupakan lanjutan Bengkel Pembuatan Busur yang sebelum ini telah diadakan pada 13 Jun 2022. Sesi bengkel ini telah dikendalikan oleh Encik Sufyan bin Mohd Salleh dari Taming Sari Archery, Melaka yang disertai oleh 25 orang peserta.

Tujuan utama bengkel ini diadakan ialah untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang teknik pembuatan anak panah dan tali busur tradisional selain turut mengangkat Kota Kuala Kedah dalam peranannya sebagai sebuah muzium dan institusi pendidikan tidak formal.

Menerusi bengkel ini para peserta berpeluang mempelajari dan mengenali bahan anak panah dari bahan alami, jig pembuat batang anak panah untuk buluh atau kayu, alatan tangan yang digunakan, kaedah membuat batang anak panah, kaedah memasang *point*, *nock* dan *feather vane* serta kaedah membuat tali busur. Lazimnya anak panah diperbuat daripada buluh betong dan juga kayu yang bersesuaian seperti kayu pine, kayu halban dan lain-lain. Alatan dan perkakas tangan yang digunakan ialah *hand drill power cable*, *grinder*, planner pisau, parang, kertas pasir Grid 80 dan 240.

Pada akhir sesi bengkel, para peserta turut diberikan sijil penyertaan oleh Ketua Muzium, Muzium Kota Kuala Kedah.



## Program KEMBARA MADANI 2023 MUZIUM LUKUT

Oleh: Faris Akmal bin Ali, Muzium Lukut

**LUKUT** – Pada 17 Jun 2023 Muzium Lukut telah dipilih sebagai lokasi persinggahan Program Kembara MADANI 2023 (KM2023). Program ini menjurus dikhususkan kepada golongan anak muda ke arah peningkatan nilai-nilai patriotisme dan pembentukan jati diri yang selari dengan nilai-nilai Malaysia MADANI.

Program KM2023 ini telah disertai oleh YAB Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Aminuddin bin Harun bersama 400 orang peserta dari pelbagai agensi kerajaan dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) sekitar Port Dickson. Turut hadir ialah YB Tuan Choo Ken Hwa, Adun Lukut dan Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim.

Objektif Kembara ini ialah untuk mengukuhkan nilai patriotisme, melahirkan anak muda yang cakna informasi, memperkasakan hubungan anak muda dengan pemimpin masyarakat, mewujudkan jaringan sosial yang mantap

dan seterusnya dapat memberi gambaran positif terhadap kerajaan negeri dibawah naungan Kerajaan Perpaduan. Antara intipati Program Kembara MADANI di Muzium Lukut ialah sesi pertemuan dan perbincangan YAB Menteri Besar Negeri Sembilan dan Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia mengenai penambahbaikan ke atas Kota Lukut dan Muzium Lukut.


Satu penyelarasan kerjasama untuk membangunkan tapak ini secara bersepadu telah dipersetujui dan pihak Jabatan Muzium Malaysia menerima cadangan YAB Menteri Besar Negeri Sembilan supaya menambahbaik maklumat agar naratif baharu penceritaan lebih difahami oleh pengunjung mengenai Kota Lukut dan Muzium Lukut. Kerajaan Negeri amat positif dan menyambut baik juga cadangan yang telah dikemukakan oleh JMM bagi memperkenalkan semula Kota Lukut secara berterusan.



Persaraan Puan Masturah  
binti Mohd Sah  
- 1 Mei 2023



Persaraan Encik Mohd Shahir  
bin Mohd Ali  
- 2 Mei 2023



Lawatan Kerja Rasmi International  
Islamic University Malaysia (IIUM)  
ke JMM- 3 Mei 2023



Lawatan Kerja Rasmi Jabatan  
Anatomi Universiti Kebangsaan  
Malaysia Ke JMM  
- 12 Mei 2023



Kunjungan Hormat Pengarah  
Lembaga Muzium Negeri Perak  
Ke Muzium Negara  
- 18 Mei 2023



Lawatan Rasmi YB Menteri KPN  
Di Muzium Sungai Lembang  
- 13 Julai 2023



# Majlis Makan Malam Kesejahteraan HARI MUZIUM ANTARABANGSA (HMA) PERINGKAT KEBANGSAAN 2023 DI KUCHING, SARAWAK

Oleh: Mohammad Umair bin Abd Rahim, Bahagian Pengurusan Koleksi



**KUCHING** - Majlis Makan Malam Kesejahteraan HMA Peringkat Kebangsaan 2023 di Pullman Hotel dihadiri oleh Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Negeri Sarawak, YB Datuk Snowdan Lawan bersama isterinya, Datin Melinda Claudia Bucking dan Pengarah Jabatan Muzium Sarawak, Puan Nancy binti Jolhi sebagai wakil Negeri Sarawak selaku tuan rumah. Manakala, wakil dari Jabatan Muzium Malaysia pula dihadiri oleh Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Datuk Kamarul Baharin Bin A. Kasim; Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JMM, Encik Mohamad Shawali bin Hj. Badi; dan Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) JMM Encik Mohd Razaimi bin Hamat.

Jemputan VVIP yang lain ialah Ketua Pegawai Perkhidmatan (CSO) Bank Negara Malaysia, Encik Affendi bin Rashdi; Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PADAT, YBrs. Dr. Nadia Widyawati binti Madzhi; Penolong Pengarah Muzium Polis, DSP Puan Sri Fazreena binti Abdul Karim dan pengarah-pengarah muzium negeri termasuklah Encik Shahril Nizam bin Abdul Rahim daripada YWJ, Encik Arif bin Abd Hamid (Muzium Sabah) Lt. Komander Tuan Muhammad Fadhil bin Samsuddin, (Muzium Tentera Laut Diraja Malaysia), Encik Mohamad Amir bin Ahmad Dahalan (Muzium Perak) dan lain-lain.

Ketibaan VVIP diiringi dengan permainan sape tradisional, lagu Negaraku dan Ibu Pertiwi. Seterusnya, hadirin dipersembahkan dengan Tarian Rampaian (Selamat Datang) sebagai ucapan selamat datang kepada para tetamu. Kemudian, majlis diteruskan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Ustaz Kasdinata bin Hashim dari Majlis Islam Sarawak. Setelah itu, YB Datuk Snowdan Lawan dijemput untuk memberi ucapan alu-aluan selamat datang kepada kontinjen dan jemputan JMM. Ucapan tersebut memfokuskan kepada terima kasih atas kerjasama semua pihak yang bertungkus lumus menjayakan majlis ini dan penghargaan kepada kontinjen dan para jemputan. Majlis makan malam turut diiringi juga dengan persembahan *live band* oleh kumpulan D'Jaksa dengan beberapa penyanyi tempatan.

Makan Malam ini berakhir sekitar jam 11:00 malam dengan persembahan penutup YB Datuk Snowdan Lawan sendiri. Majlis ini merupakan satu simbolik kepada pembukaan sambutan HMA dan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi memastikan kejayaan dan kelangsungan sambutan.



## FORUM PERDANA EHWAL ISLAM

Oleh: Zam Zarina binti Ishak, Unit Teknologi Maklumat

**KUCHING** - Forum Perdana Ehwal Islam yang bersiaran secara langsung di RTM 1 pada 3 Ogos 2023 (Khamis) jam 9.00 malam merupakan salah satu program sempena Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2023. Program telah diadakan di Masjid Jamek Negeri Sarawak. Majlis Bacaan surah Yasin selepas solat Maghrib dan serahan naskah Yasin HMA 2023 kepada pihak masjid dan para jemaah turut diadakan.

Tajuk Forum Perdana "Kita Serupa" ini telah menampilkan barisan panel ternama iaitu YBhg Datuk Kazim Elias, YBhg SS Datu Haji Kipli Hj Yassin dan Ustaz Mohamad Zafiri Mohamad Daud bersama moderator iaitu Ustaz Mohd Hariri Mohamad Daud.

Antara Tetamu kenamaan yang hadir ialah Yang Berhormat Dato Sri Haji Abdul Karim Rahman Hamzah (Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak), YBhg. Tan Sri Datuk Amar Mohamad Asfia bin Awang Nassar (Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak), Datuk Kamarul Baharin bin A Kasim (Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia), Yang Berbahagia Datuk Misnu bin Haji Taha - YDP Majlis Islam Sarawak dan Datuk Haji Abang Abdul Wahab bin Abang Julai (CEO LAKMNS).

Selain itu para peserta kontinjen muzium-muzium negeri, pelajar-pelajar, penduduk-penduduk tempatan, wakil dan agensi sekitar Kuching juga turut hadir beramai-ramai mengimarahkan lagi suasana forum. Siaran kali ini telah mendapat rating keseluruhan penonton berjumlah 675,000 tontonan manakala kehadiran jemaah secara fizikal di masjid dianggarkan sekitar 5,800 orang.



## BENKEL SAPE: UPLIFT YOUR SOUL WITH SAPE SEMPENA SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA 2023

Oleh: Fadhliaun binti Azmi, Muzium Tekstil Negara

**KUALA LUMPUR** - Bengkel Sape: *Uplift Your Soul with Sape* telah diadakan pada 2 Ogos 2023 bertempat di Ruang Seni dan Kraf, Muzium Budaya Borneo, Kuching, Sarawak. Bengkel ini telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Mohamad Shawali bin Haji Badi, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Jabatan Muzium Malaysia dan seramai 50 orang peserta dari kalangan warga muzium dan 10 orang peserta dari agensi luar telah mengambil bahagian dalam bengkel ini. Persatuan Anak Seni Sape Kuching telah dijemput sebagai tenaga pengajar dan fasilitator bagi menjayakan bengkel ini.

Sape telah dipilih kerana keunikan alat muzik ini dalam masyarakat Orang Ulu Sarawak. Mendengar alunan muziknya bukan sahaja boleh memberi ketenangan, bahkan mampu memberi pemangkin semangat dan menghilangkan rasa tekanan setelah seharian bekerja. Selain daripada itu, penganjuran bengkel ini juga adalah untuk mewujudkan ruang dan peluang kepada generasi baru mengenali dengan lebih dekat lagi alat muzik tradisional bagi memastikan kelestarian muzik Sape ini dikekalkan untuk masa hadapan.

Pada akhir bengkel ini setiap peserta dikehendaki mengadakan persembahan individu bagi sebuah lagu yang telah dipelajari sepanjang bengkel untuk penilaian tenaga pengajar. Seorang peserta terbaik telah dipilih bagi setiap sesi bengkel dan berpeluang mengadakan persembahan bersama tenaga pengajar di Majlis Makan Malam Penutupan Sambutan Hari Muzium Antarabangsa

Peringkat Kebangsaan 2023. Encik Mohd Fauzy bin Mohd Hashim dari Perbadanan Muzium Melaka dan Encik Norjayadi bin Sarkawi dari Muzium Penjara Malaysia telah terpilih sebagai peserta terbaik.

Program sebegini ini sememangnya mengangkat peranan institusi muzium bagi menjadikan muzium sebagai platform ilmu dan agen "Kemampuan & Kesejahteraan" selain melestarikan kebudayaan dan kesenian negara.



# Seminar Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2023

Oleh: Sharipah Lok Lok binti Syed Idrus, Unit Dasar dan Pembangunan



**KUCHING** - Hari Muzium Antarabangsa 2023 peringkat kebangsaan pada tahun ini menyaksikan Kuching, Sarawak sebagai tuan rumah yang telah berlangsung dari 26 Julai hingga 5 Ogos 2023. Sambutan Hari Muzium Antarabangsa mengangkat tema “Muzium, Kemampanan dan Kesejahteraan” atau *Museums, Sustainability and Well-Being*” yang juga merupakan tema seminar pada kali ini.

Seminar HMA 2023 telah diadakan di Ranyai Ballroom, Hotel Waterfront, Kuching Sarawak pada 1 Ogos 2023 bermula jam 8.30 pagi sehingga 1.00 tengahari. Ucapan aluan seminar telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia manakala ucpatama seminar oleh Madam Inkyung Chang, Timbalan Presiden Majlis Muzium Antarabangsa ICOM. Dato’ Sri Haji Abdul Karim Rahman Hamzah, Menteri Perlancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan telah merasmikan Seminar Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan pada tahun ini. Turut hadir bersama ialah YBrs. En Mohamad Sobri bin Mat Daud Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.

Seminar Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan pada kali ini diadakan secara fizikal dan dalam talian menerusi platform *Zoom Meeting* dan *Facebook live*. Seminar pada kali ini dengan tema *Museums, Sustainability and Well-Being* melibatkan dua sesi pembentangan. Sesi I dengan topik *Innovation and Well-Being to Create Unity and A Resilient Community* telah disampaikan oleh Puan Noraziah binti Abdul Wahab dari Universiti Malaysia Sarawak dengan tajuk *Lestari Canvas: A Sustainable Socio-Economic Development Ecosystem*. Puan Aliaa Nabila bt Mohd Nor, dari Urbanice Malaysia seterusnya telah membentangkan tajuk *The UN SDGs: A Framework for Museum’s social Impact* mengakhiri sesi I. Sesi II pembentangan dilanjutkan dengan topik *Museum A Lifelong Learning Institution, Maintaining Relevance Through Sustainable Practice in A Serving Society*. Kertas kerja sesi II ini menyaksikan



Poster utama Seminar Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2023

pembentangan pertama bertajuk *Sustaining A Natural Heritage: Singapore’s Lee Kong China Natural History* oleh Profesor Madya Dr. Darren Yeo Chong Jinn, Pengarah Muzium Alam Semulajadi, Lee Kong Chia, Singapura. Pembentangan seterusnya disampaikan oleh Encik Amerrudin bin Ahmad, Ketua Pengarah Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara dengan tajuk kertas kerja *Advancing Curatorial and Experiential Epistemology in Decentralization Art Programme In Malaysia*.

Seminar HMA 2023 mendapat sambutan yang amat menggalakkan apabila seramai 300 orang peserta dari pelbagai muzium, agensi kerajaan dan swasta serta institusi pendidikan telah hadir ke program ini.



## JUALAN TERBITAN JABATAN MUZIUM MALAYSIA SEMPENA HARI MUZIUM ANTARABANGSA (HMA 2023)

Oleh: Fandy Izuan bin Johari, Unit Perpustakaan

**KUCHING** - Edisi kali ini menyaksikan Sarawak sebagai tuan rumah dengan pelbagai aktiviti dan program termasuk pameran yang diadakan di Borneo Cultures Museum di Kuching, Sarawak. Unit Perpustakaan, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi (BPD) telah turut serta menjayakan pameran tersebut dengan mengadakan jualan buku terbitan JMM sepanjang pameran ini berlangsung.

Lebih 80 judul terbitan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah dipamerkan untuk semua pengunjung terutamanya peminat dan pencinta buku-buku berkaitan sejarah dan permuziuman. Sambutan amat menggalakkan dimana sepanjang HMA 2023 berlangsung, hampir 200 naskhah buku terbitan JMM telah terjual. Antara judul buku-buku yang mendapat sambutan termasuklah Senjata-Senjata Melayu, Keris Melayu: Petikan Daripada Syarahan, Ratu Kain, Aplikasi Preventif Dalam Menjaga Koleksi Artifak, Koleksi-koleksi Federation Museum Journal (FMJ) dan lain-lain lagi.

Selain itu turut diadakan sesi bersama penulis, Encik Zamrul Amri Zakaria, Pengarah Muzium Negara dan buku yang ditulis oleh beliau iaitu Buku Panduan Praktik Konservasi. Sesi ini telah diadakan pada 4 Ogos 2023 (Jumaat) dan turut di hadiri oleh Pengarah Lembaga Muzium Pulau Pinang, Puan Haryany Mohamad, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Adat dan Warisan Negeri

Selangor, Dr. Nadia Widyawati Madzhi, Pengarah Yayasan Warisan Johor Encik Shahril Nizam Abdul Rahim dan Pengarah Muzium Negeri Kedah Encik Suhaidi Shukri. Sambutan yang diterima daripada pengunjung sepanjang sesi ini amat menggalakkan.

Hasil maklum balas positif dan jumlah jualan yang memberangsangkan ini, Unit Perpustakaan, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi (BPD) akan terus berusaha mempromosi terbitan JMM melalui pelbagai medium agar usaha penyebaran ilmu pengetahuan dapat dijalankan dengan lebih rancak disamping dapat menggalakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat.



## Program Curator Crash Course Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2023

Oleh: Mohd. Khairill bin Jemangin, Muzium Alam Semula Jadi

**SARAWAK** - Bersempena dengan sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2023, turut dianjurkan suatu program perkongsian ilmu yang bertajuk *Curator Crash Course* (CCC) pada 4 Ogos 2023 di Art & Craft Gallery, Borneo Culture Museum. Program ini melibatkan 30 orang pelajar sekolah menengah dan juga IPTA. Antara sekolah dan IPTA yang terlibat adalah SMK Demak Baru, SMK Tun Abang Haji Openg, SMK Petra Jaya, SMK Tunku Abdul Rahman, UNIMAS dan UMS. Pengisian program CCC ini dimulakan dengan sesi ceramah ringkas mengenai kerjaya kuratorial dalam bidang arkeologi, sejarah semula jadi dan konservasi artifak. Sesi ceramah tersebut telah dijayakan oleh Encik Mohd Sherman bin Sauffi (JMS), Puan Wong Siew Fui (JMS), Encik Mohamed Ali bin A.M. Haja Mohaideen (JMM), Puan Siti Hazirah binti Wasli (JMS) dan Cik Nurul Hafizzah binti Maaz (JMM).

Sejurus selesai sesi ceramah, para peserta telah dibahagikan dalam kumpulan kecil untuk mengikuti pula sesi aktiviti *hands on* yang disediakan oleh urusetia program mengikut bidang yang terlibat iaitu Arkeologi - aktiviti ekskavasi arkeologi dan merekod temuan; Sejarah Semula Jadi - memerhati, melukis semula dan mengenalpasti spesimen; serta Konservasi Artifak - membaiki pulih tembikar.



Program ini bertujuan untuk menarik minat pelajar dan memberikan pendedahan awal dengan dunia kerjaya permuziuman. Selain itu, program sebegini turut berperanan menonjolkan fungsi muzium sebagai sebuah institusi pendidikan tidak formal yang relevan demi memupuk minat generasi muda agar mencintai dan peka terhadap khazanah warisan negara.

# Majlis Makan Malam PENUTUPAN SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2023

Oleh: Azila binti Rohani@Rosani,  
Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

**KUCHING** - Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2023 (HMA) di Kuching Sarawak telah melabuhkan tirai dengan jayanya pada 5 Ogos 2023.

Majlis makan malam penutupan merupakan acara kemuncak bagi sambutan HMA 2023 dan telah diadakan pada 5 Ogos 2023 di Riverside Majestic Hotel bertemakan batik Malaysia. Buat julung kalinya majlis diserikan dengan kehadiran Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara bersama Datin dan ini merupakan sambutan pertama sejak JMM diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara.

Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku dan Ibu Pertiwi dan tarian selamat datang oleh artis Majlis Kesenian Sarawak. Turut dipertontonkan ialah siaran montaj aktiviti dan program HMA 2023 sepanjang seminggu sambutan. Majlis dihangatkan lagi dengan persembahan nyanyian artis tempatan iaitu Ricky Anderson, D'Cipta Band, persembahan peserta Bengkel Sape serta penampilan khas penyanyi terkenal Amy Search.

Usai persembahan lagenda rock negara, agenda seterusnya yang ditunggu-tunggu ialah penyampaian hadiah bagi pertandingan sukan antara wilayah dan reruai pameran mengikut kategori. Penyampaian hadiah dimulakan dengan pemenang piala pusingan dan juara keseluruhan yang dimulakan dengan pemenang sukan golf yang dimenangi oleh zon wilayah, bolasepak 9 sebelah dimenangi oleh zon utara, badminton dimenangi oleh zon tengah, memanah dimenangi oleh zon timur dan menyempit dimenangi oleh zon Sabah. Bagi kategori permainan *indoor* ping pong dan karom dimenangi oleh zon timur, dart pula dimenangi oleh zon Sabah dan permainan tradisional congkak sekali lagi diungguli oleh juara bertahan iaitu zon Wilayah. Zon Wilayah juga telah diumumkan sebagai juara keseluruhan pertandingan sukan antara zon.

Pemenang bagi pameran menepati tema telah



Persembahan selamat datang oleh artis Majlis Kesenian Sarawak



Persembahan Khas Permainan Alat Muzik SAPE



Persembahan artis jemputan Amy Search



Ucapan Alu-aluan oleh YBhg Datuk Kamarul Baharin bin A.Kassim, KP JMM

Ucapan Penutup oleh YBhg Dato Sri Haji Abdul Karim Rahman Hamzah, Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan, Sarawak

Penyerahan bendera HMA kepada tuan rumah HMA 2024

diungguli Yayasan Warisan Johor (YWJ), tempat kedua Muzium Nelayan, Tanjung Balau Johor dan tempat ketiga Balai Seni Negara. Kategori pameran kreatif pula telah dimenangi oleh Lembaga Muzium Negeri Kedah, diikuti tempat kedua Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia dan ketiga Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (PADAT). Pameran yang meraih kategori paling popular di tempat pertama ialah Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia, tempat kedua Muzium Penjara Malaysia dan ketiga Lembaga Muzium Negeri Perak.

Pada sambutan HMA 2023 kali ini penganjur telah memilih dua tokoh yang banyak terlibat dan memberi sumbangan dalam memartabatkan bidang permuziuman negara dan melestarikan sejarah dan warisan budaya negara. Penerima anugerah tersebut ialah mantan Ketua pengarah Jabatan Muzium Sarawak YBhg. Datu Dr. Haji Sanib bin Haji Said dan Puan Janet Tee Siew Mooi, mantan Pengarah Muzium Alam Semulajadi, Jabatan Muzium Malaysia. Penerima anugerah masing-masing menerima sumbangan hadiah wang tunai sebanyak RM1,500.00 dan sijil penghargaan.

Kemuncak kepada acara pada malam itu ialah penyerahan bendera Hari Muzium Antarabangsa kepada Lembaga Muzium Pulau Pinang tuan rumah sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2024. Penyerahan bendera disempurnakan oleh YBrs. Puan Nancy Jolhi, Pengarah, Jabatan Muzium Sarawak selaku wakil tuan rumah kepada YBrs Puan Haryany, Pengarah Lembaga Muzium Pulau Pinang merangkap wakil tuan rumah Sambutan HMA 2024 dan disaksikan oleh tetamu kehormat.

Sebagai mengakhiri majlis hadirin dipersembahkan dengan persembahan khas tuan rumah HMA 2024 dengan tayangan video memaparkan keunikan dan keindahan Pulau Pinang dan persembahan Potehi, sebuah persembahan boneka oleh kumpulan Ombak Potehi, Culture Centre Penang dan diakhiri dengan *video tribute to* Muhammad Hawari, staf LMP bagi memperingati arwah yang hilang semasa menyertai ekspedisi Malaysia Everest 2023.



Anugerah khas permuziuman kepada YBhg. Datu Dr. Haji Sanib, Mantan Pengarah JMS dan Puan Janet Tee, Mantan Pengarah Muzium Alam Semulajadi, JMM



JUARA ZON WILAYAH



Juara keseluruhan sukan ZON WILAYAH yang membawa pulang piala pusingan



## Program Berambek Di Kampung Santubong: "Santuni Warisan Kita"

Oleh: Hairunnisyam binti Md Jamil, Bahagian Pengurusan Konservasi

**KG. SANTUBONG** - 5 Ogos 2023 **YB Datuk Aaron Ago Dagang**, Menteri Perpaduan Negara telah hadir untuk merasmikan dan menyantuni komuniti tempatan serta warga muzium dalam **Program Berambek di Kampung Santubong: "Santuni Warisan Kita"**. Program ini merupakan salah satu pengisian bagi Program Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2023. Program yang diterajui Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Muzium Malaysia (JMM) ini memilih Kg. Santubong sebagai lokasi program bersama komuniti bertujuan mewujudkan perpaduan serta jaringan kerjasama yang erat dalam kalangan muzium-muzium di seluruh Malaysia dengan masyarakat tempatan.

Pelbagai aktiviti diadakan termasuklah gotong royong, sumbangan Bakul Rahmah, sumbangan buku kepada Perpustakaan Desa Kampung Santubong, pameran, demonstrasi, pemeriksaan kesihatan, jualan produk tempatan dan pertandingan mewarna. Gotong royong diadakan di dua lokasi yang dipilih iaitu Masjid Nurir Rahmani dan Dewan JKKK Kampung Santubong. Dalam program ini juga, YB Menteri Perpaduan Negara bersama tetamu kehormat, penduduk Kampung serta kontinjen dan agensi-agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) turut mengadakan kunjungan mesra ke beberapa rumah penduduk kampung bagi menyerahkan sumbangan Bakul Rahmah. Hadir sama ialah YB Datuk Dr. Abdul Rahman Junaidi, ADUN Pantai Damai, YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, dan Yang Berusaha Tuan Haji Suhaili Kipli, Penghulu Kampung Santubong.

Program ini merupakan satu program komuniti di peringkat KRT yang menjadi tapak interaksi sosial pelbagai kaum yang turut melibatkan jentera-jentera perpaduan di seluruh negara. YB Menteri Perpaduan Negara dalam ucapannya menyeru kepada semua hadirin agar dapat menghayati konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian (*Unity in Diversity*) dan mengamalkan nilai toleransi dalam membina masyarakat MADANI yang bersatu padu dan berdaya saing. Ujarnya juga, Kementerian Perpaduan Negara akan terus menganjurkan pelbagai program dan aktiviti sehingga ke peringkat akar umbi merentasi agama, etnik dan budaya dalam usaha mempromosi perpaduan pelbagai kaum. Program ini berakhir dengan sesi lawatan ke dua lokasi bersejarah iaitu Tapak Arkeologi Bongkisan dan Tapak Arkeologi Sg. Jaong.

## Aktiviti Sempena Sambutan Hari Muzium Antarabangsa di Muzium Tekstil Negara

Oleh: Siti Nurulizzah binti Muajir, Muzium Tekstil Negara



**KUALA LUMPUR** - Aktiviti Kraf Dokoh Warisan, mewarna batik dan cabutan pengunjung bertuah telah diadakan sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa pada tahun ini dengan kemasukan percuma pada 18 Mei.

Menerusi aktiviti Kraf Dokoh Warisan, pengunjung telah diperkenalkan dengan penggunaan dokoh dalam pemakaian busana Melayu dan berpeluang untuk menghasilkan kraf dokoh dengan penggunaan bahan-bahan ringkas seperti manik, pensil dan kertas berwarna. Pengunjung turut dibekalkan dengan satu kit aktiviti yang mengandungi helaian maklumat mengenai dokoh dan bahan-bahan aktiviti bagi memastikan pengunjung memahami dengan sebaiknya aksesori tradisi ini.

Aktiviti mewarna batik pula dilaksanakan di ruang beranda muzium. Pengunjung berpeluang mewarna batik yang telah siap dicanting dan secara tidak langsung dapat mengenali seni budaya batik ini dengan lebih dekat lagi. Pengunjung diberi penerangan tentang teknik mewarna batik di atas kain rentang dan dibekalkan dengan pewarna daripada pelbagai warna.

Pemilihan pengunjung bertuah pertama bermula dengan penerimaan kehadiran pengunjung yang ke-18 iaitu bersempena tarikh sambutan pada 18 Mei setiap tahun. Seramai 5 orang pengunjung bertuah telah berjaya membawa pulang hadiah istimewa pada hari tersebut.

Melalui penganjuran program ini dapat memberi peluang dan kesempatan kepada orang ramai untuk mengunjungi dan mengenali Muzium Tekstil Negara dengan lebih dekat serta membuka ruang kepada pengunjung untuk memahami serta mendalami peranan sebenar muzium kepada masyarakat. Aktiviti seperti ini akan diteruskan pada setiap tahun dan akan mempunyai kelainan yang tersendiri dalam penganjuran aktiviti untuk tahun yang akan datang.

# TAKSIDERMI PANTHERA PARDUS

Oleh: Mohd Nizam bin Othman, Muzium Alam Semula Jadi



Spesimen harimau kumbang ketika tiba dari Terengganu



Spesimen harimau kumbang dibiarkan nyahbeku terlebih dahulu sebelum diperiksa dan dilakukan proses mengambil ukuran



Kerja-kerja melapah kulit dimulakan



Proses melapah kulit dilakukan dengan teliti untuk mengelakkan kulit daripada terkoyak



Bahagian badan spesimen yang siap dipisahkan daripada kulit kemudiannya diambil ukuran untuk membentuk jasad tiruan



Bahagian dalam kulit dibersihkan sebelum direndam dalam larutan pengawet



Proses skinning dengan menggunakan fleshing machine



Proses menyediakan jasad tiruan menggunakan polyurethane foam



Kulit yang telah diawet dipadankan pada jasad tiruan sebelum proses menjahit dilakukan



Kakitangan Muzium Negeri Terengganu sedang melekapkan bahagian mata harimau kumbang



Pengarah MAS, Dr. Farizawati Sabri bergambar kenangan bersama semua yang terlibat dalam kerja mengawet spesimen harimau kumbang



Pengarah MAS, Dr. Farizawati Sabri bergambar kenangan bersama semua yang terlibat dalam kerja mengawet spesimen harimau kumbang

Bidang taksidermi merupakan salah satu cabang kepakaran dalam dunia permuziuman yang semakin dilupakan. Bagi muzium yang menyimpan dan mempamer koleksi haiwan awet pasti memerlukan ahli taksidermi untuk mengawetkan kulit binatang yang telah mati dan dibentuk kembali menggunakan badan tiruan yang bersesuaian sehingga haiwan itu kelihatan seolah-olah hidup. Hasil kerja taksidermi boleh dilakukan dalam bentuk trofi kepala, kulit saintifik atau *mounted specimen* untuk tujuan pameran, penyelidikan dan pendidikan. Seseorang ahli taksidermi harus memahami anatomi haiwan serta berkemahiran dalam proses melapah, menyamak, membentuk dan menjahit semula kulit disamping ketelitian untuk menghasilkan awetan yang baik. Taksidermi juga boleh dianggap sebagai satu bentuk seni yang menggabungkan antara ilmu sains biologi dan seni kreativiti.

Pada 6 Jun 2023, Lembaga Muzium Negeri Terengganu (LMNT) dan Muzium Alam Semula Jadi (MAS) telah bekerjasama menjalankan kerja-kerja pengawetan seekor spesimen harimau kumbang. Harimau kumbang jantan milik Lembaga Muzium Negeri Terengganu itu telah dihadiahkan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Daerah Kemaman. Bangkai harimau kumbang berkenaan dipercayai telah mati akibat kemalangan di Lebuhraya Pantai Timur 2 pada 21 Januari 2022. Harimau seberat antara 70 hingga 80kg dan panjang 139cm itu dilaporkan oleh pihak Perhilitan mati disebabkan trauma kecederaan pada tengkorak kiri dan patah kaki belakang sebelah kanan akibat impak rempuhan yang kuat daripada kenderaan yang melanggarnya.

Rentetan itu, pihak LMNT telah bercadang agar spesimen yang terancam itu diawet untuk dijadikan sebagai koleksi terbaharu Bahagian Alam Semula LMNT. Seramai 4 orang staf dari LMNT telah mengikuti latihan intensif bersama dengan Encik Mohd Ridhuan bin Akhiruddin dan Encik Mohammed Ali A.M Haja Mohaideen bagi mempelajari teknik dan kaedah pengawetan mamalia sederhana besar menggunakan jasad tiruan yang diperbuat daripada *polyurethane foam*. Kerja-kerja pengawetan harimau kumbang telah berjaya dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan iaitu kira-kira 10 hari. Bengkel ini turut mencatat sejarah kerana tempoh masa yang biasa diperlukan untuk menyiapkan seekor mamalia seperti itu mengambil masa antara 3 hingga 4 minggu selain berjaya memberi pengetahuan teknik mengawet baharu kepada kakitangan Lembaga Muzium Negeri Terengganu.

## “SOROTAN SEJARAH DAN DIMENSI BAHARU TELEPUK: SATU KESENIAN YANG TERPINGGIR”

Oleh: Fadhliatun binti Azmi, Muzium Tekstil Negara

**KUALA LUMPUR** – Pada 30 Mei 2023, Muzium Tekstil Negara (MTN) telah mengadakan Program Bicara@Muzium yang bertajuk “Sorotan Sejarah dan Dimensi Baharu Telepuk: Satu Kesenian yang Terpinggir dan disampaikan oleh Encik Mohammad Khairulanwar Rahmat, seorang penyelidik dan penggiat seni tekstil Melayu. Siri pada kali ini diadakan secara atas talian melalui platform *Zoom Meeting* dan siaran langsung menerusi akaun Facebook MTN.

Menerusi perkongsian kali ini, peserta dan penonton didedahkan tentang pengenalan dan perkembangan sejarah, keunikan dan keindahan seni telepuk di Malaysia iaitu satu seni menghias tekstil tradisional Melayu yang sudah tidak diusahakan lagi sejak awal kurun ke-19. Seni tradisional menghias kain ini dipercayai telah dibawa masuk oleh pedagang-pedagang Bugis dari Sulawesi. Ia melibatkan proses menangkap motif menggunakan cop ukiran kayu yang bergam ke atas kain tenun benang halus yang kemudiannya dilekapkan dengan kertas emas atau perada (serbuk emas atau perak). Menurut penyampai, proses menelepuk di Semenanjung Tanah Melayu kebiasaannya dibuat di atas kain yang telah digerus, iaitu satu teknik mengilatkan kain dengan menggunakan siput gerus (*Cypraea tigris*). Menurut sejarah, seni tata hias emas ini dimiliki dan dipelihara oleh pihak istana dan pemakaiannya dikhususkan untuk keluarga diraja dan golongan bangsawan seperti di negara China, India, Jepun dan Indonesia. Ia bersifat mewah dan selain daripada persalinan busana penuh, ianya dijadikan tanjak, sampung, selendang, kain ikat pinggang dan sapu tangan yang sering dipakai untuk menghadiri majlis rasmi di istana dan sebagai pakaian istiadat perkahwinan.

Program ini bermula pada jam 10.00 pagi dan mendapat sambutan yang baik daripada kalangan peminat tekstil Melayu, warga JMM dan kakitangan institusi/agensi lain serta disertai seramai 95 orang peserta.



## PROGRAM EKSPLORASI@MEDM

Oleh: Mohd Razali Bin Ya'cob @ Jusoh,  
Muzium Etnologi Dunia Melayu



**KUALA LUMPUR** - Pada 27 Mei 2023, telah berlangsung Program Eksplorasi MEDM bersempena dengan cuti sekolah dan Hari Muzium Antarabangsa yang disambut pada 18 Mei setiap tahun. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan seperti aktiviti Wau Yang Wow!, Permainan Tradisional, *Treasure Hunt* dan hadiah pengunjung bertuah. Objektif program ini ialah untuk mendedahkan kepada para pengunjung mengenai Hari Muzium Antarabangsa yang disambut oleh muzium-muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia pada 18 Mei setiap tahun, selain mempromosikan MEDM kepada pengunjung dalam dan luar negara.

Sepanjang program berlangsung, pengunjung berpeluang untuk mewarna wau yang disediakan di samping menyusun *puzzle* wau yang menarik. Aktiviti permainan tradisional turut disediakan seperti permainan congkak dan batu seremban. Bagi mereka yang mengunjungi galeri MEDM secara berkeluarga atau berkumpulan, mereka turut disajikan dengan aktiviti *Treasure Hunt*. Cabutan bertuah turut juga diadakan dan pengunjung bertuah menerima cenderahati dari pihak MEDM. Sehingga penghujung program, sejumlah 400 orang pengunjung telah menyertai program ini.



# Program Semarak @Muzium Marin Labuan 2023

Oleh: Noritah binti Jamlin, Muzium Marin Labuan



**LABUAN** – Pada 15 dan 16 Julai 2023 Muzium Marin Labuan telah menganjurkan Program Semarak@Muzium Marin Labuan di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan. Bertemakan Masa Depan Marin: Kita Teroka, Kita Jaga, tema ini selari dengan peranan Muzium Marin Labuan yang mempamer dan memulihara alam marin. Program ini juga diadakan bersempena ulang tahun penubuhan Muzium Marin Labuan yang ke 20 tahun (2003-2023). Program ini telah berjaya menggamit kedatangan pelbagai lapisan masyarakat dengan kehadiran pelawat seramai 2,931 orang. Persembahan buskers dan *video booth* kamera 360 darjah turut disediakan secara percuma untuk warga Labuan.

Program bermula dengan acara perasmian yang telah disempurnakan oleh wakil Pengerusi Perbadanan Labuan, Tuan Simsudin Sidek selaku Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan. Turut hadir sama dalam majlis tersebut Timbalan Ketua Pengawai Eksekutif Perbadanan Labuan (Pengurusan), Datuk Dr Othman Che Jusoh dan Timbalan Ketua Pengarah Permuziuman, Jabatan Muzium Malaysia Encik Mohd Razaimi bin Hamat.

Program selama dua hari ini dimeriahkan dengan pameran dan pelbagai aktiviti oleh agensi-agensi kerajaan dan NGO antaranya LKIM Labuan, Jabatan Perikanan Labuan, Jabatan Laut Labuan, Tourism Malaysia Labuan, Muzium Alam Semulajadi, Aman Palestine, Persatuan Nelayan Labuan, Jabatan Alam Sekitar Labuan serta Jabatan Kesihatan Labuan.

Acara yang turut menjadi tumpuan program ialah pertandingan mewarna kanak-kanak tadika KEMAS Labuan dengan penyertaan seramai 50 orang dan Pertandingan Memasak Resepi Marin (ketam dan udang) yang menyediakan hadiah barangan elektrik dan tiket penerbangan MASWings. Acara senam sihat zumba turut mencuit hati kerana peserta harus berpakaian menarik sesuai dengan tema *Aloha*.

Acara kemuncak Program Semarak@Muzium Marin Labuan pada 16 Julai 2023 ialah Larian Santai Uniti. Seramai 250 orang peserta telah menyertai larian ini dan hadiah utama berupa tiket penerbangan tajaan MASWings dan wang tunai. Cabutan bertuah turut diadakan kepada peserta-peserta larian dan hadiah telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Permuziuman, Encik Mohd Razaimi bin Hamat dan Pengarah Muzium Labuan, Encik Muhammad Azam bin Adnan pada majlis penutupan program tersebut.

Program diakhiri dengan ceramah daripada Jabatan Alam Sekitar Labuan dengan tajuk *Beat Plastic Pollution* dan aktiviti *Beach Clean Up*. Seramai 50 orang menyertai aktiviti ini yang terdiri daripada kawasan peserta Rukun Tetangga Labuan (KRT) dan urusetia program.



## Program Santai Bersama Legend 'The Flying Sikh' Bersama Karamjit Singh

Oleh: Safia binti Ismail,  
Muzium Automobil Nasional

**SEPANG** - Bersempena sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia ke 66 tahun, Muzium Automobil Nasional turut memeriahkan sambutan ini dengan mengadakan program Santai Bersama Legend "The Flying Sikh" oleh Encik Karamjit Singh Jaguh Pemandu Rali Profesional Malaysia. Wira tidak dicanang ini merupakan Juara 16 kali di *Malaysian National Rally*. Bermula dengan menyertai Castrol Rally Malaysia pada tahun 1986 menggunakan kereta Peugeot 404 milik bapanya, kerjaya beliau mula berkembang selepas menyertai PETRONAS EON Racing Team (PERT) pada tahun 1988 dan seterusnya kejohanan-kejohanan lain dalam dan luar negara. Bersama pasukan PERT beliau memperolehi pencapaian luar jangka dimana pertama kalinya menyertai FIA World Production Car Rally Championship (PWRC) dan FIA Asia Pacific Rally (APRC) pada tahun 2002 dan beliau telah memenangi kedua-dua kejohanan tersebut. Jati diri yang tinggi dan semangat yang tak mudah kalah menjadikan pasukan PERT dari Malaysia satu-satunya wakil Asia yang memenangi kejohanan berprestij itu. Malah pada tahun yang sama juga beliau dan Allen Oh (pemandu arah / navigator) menerima Anugerah Sukan Negara (Olahragawan) oleh Majlis Sukan Negara Malaysia. Pembubaran pasukan PERT pada tahun 2005 menyebabkan tiada lagi penglibatan beliau dalam sukan rally kerana sukan ini memerlukan penajaan dan salah satu kekangan untuk beliau meneruskan minat dan kecintaan dalam sukan ini. Program Santai Bersama Legend ini telah diadakan pada 16 Ogos 2023 (Rabu) secara atas talian (FB Live & Zoom Meet) bermula jam 10.00 pagi. Muzium Automobil Nasional turut menjemput pasukan PETRONAS EON Racing Team diketuai oleh YBhg Datuk Abdul Razak, mantan Pengerusi PERT untuk hadir secara fizikal. Turut sama menjayakan program ini ialah Moderator jemputan Encik Mohd Khairul Azhar bin Mustapa, dari Bahagian Pengurusan Konservasi manakala bantuan teknikal bersama pasukan Unit Teknologi Maklumat dan Unit Pembangunan dan Pengurusan Harta.



## PROGRAM MUZIUM @KOMUNITI

Oleh: Nor Aini binti Hassan, Muzium Matang



**MATANG** – Pada 29 Julai 2023, Muzium Matang telah mengadakan Program Muzium@Komuniti yang melibatkan masyarakat tempatan yang tinggal berdekatan dengan muzium bagi tujuan mengeratkan hubungan antara muzium dan masyarakat. Pelbagai aktiviti menarik disediakan bersempena program ini seperti senamrobik berkain sarung, sukaneka, gotong-royong memasak bubur asyura dan sebagainya.

Aktiviti senamrobik berkain sarung dan sukaneka dilihat sebagai aktiviti yang terbaik buat para peserta untuk memupuk semangat perpaduan serta pembudayaan amalan gaya hidup sihat.

Program ini mendapat sambutan lebih 150 orang peserta dan diharap program sebegini dapat mencapai objektifnya untuk mengimarahkan muzium sebagai salah satu platform penting bagi memupuk semangat perpaduan masyarakat.



# Kenali@MEDM

Oleh: Hasnah binti Osman, Muzium Etnologi Dunia Melayu



## BENKEL: KENALI WAYANG KULIT MELAYU

Oleh: Hasnah binti Osman, Muzium Etnologi Dunia Melayu

**KUALA LUMPUR** - Pada 22 Jun 2023, Bengkel Kenali Wayang Kulit Melayu telah diadakan di Dataran Muzium Negara. Seramai 20 orang peserta mengikuti bengkel ini yang dikendalikan oleh tenaga pengajar yang dijemput khas iaitu Encik Mohd Nizam bin Othman dari Muzium Negeri Kelantan dan Encik Kamal Nasrun bin Abdullah dari Muzium Wau di bawah Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Wayang kulit adalah satu bentuk teater tradisional yang menggunakan prinsip cahaya dan bayang. Bayang-bayang daripada patung-patung kulit yang terdiri dari pelbagai watak dan khayalan dimainkan oleh seorang Dalang. Fungsi Wayang Kulit ini ialah sebagai medium hiburan dan kadangkala dikaitkan dengan unsur ritual yang terdapat dalam masyarakat. Seni persembahan ini tersebar dan membentuk satu identiti tersendiri dalam sesebuah masyarakat

Sepanjang bengkel ini berlangsung para peserta didedahkan dengan demonstrasi pembuatan wayang kulit oleh tenaga pengajar. Selain dari demonstrasi, terdapat juga aktiviti membuat wayang kulit oleh para peserta bengkel. Setiap peserta dibekalkan kulit kambing dan lakaran watak wayang kulit, peralatan membuat wayang kulit seperti tukul kayu, pelbagai jenis dan size pahat, benang, gam, buluh serta warna. Para peserta di beri tunjuk ajar cara-cara membuat wayang kulit mengikut aturan yang betul sehinggalah terhasilnya wayang kulit.



Encik Mohd Nizam sedang memberi tunjuk ajar membuat wayang kulit kepada peserta.

Pelajar antarabangsa dari China memahat lakaran wayang kulit pada kulit kambing untuk menghasilkan watak wayang kulit yang dikehendaki.



Penduduk Kampung Puah Lembah sedang menunjukkan demonstrasi membuat kuih tepung pelita.

Staf Muzium Etnologi Dunia Melayu turut serta di dalam aktiviti membuat onde-onde.



**KUALA LUMPUR** - Pada 24 Jun 2023 Muzium Etnologi Dunia Melayu (MEDM) dengan kerjasama Akademi Pengajian Melayu (APM) Universiti Malaya telah menganjurkan program jangkau luar (*outreach*) Kenali@MEDM di Kampung Puah Lembah, Gombak Selangor. Program ini melibatkan penyertaan seramai 180 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah dan mahasiswa Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Objektif utama program ini ialah untuk memperkenalkan dan mempromosi MEDM kepada masyarakat luar. Selain memberi peluang kepada MEDM dan pelajar-pelajar APM mendekatkan diri dan beramah mesra dengan komuniti kampung. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan bersama pelajar-pelajar dan komuniti kampung termasuklah pameran MEDM yang merangkumi segmen persenjataan Melayu, permainan tradisional, pelaminan Melayu, ukiran kayu, alat muzik dan pelayaran.

Selain itu, demonstrasi membuat tengkolok dan aktiviti membuat pelbagai jenis kuih-muih tradisional seperti kuih pelita, lempeng bersama sambal, kuih ketayap, onde-onde tepung bungkus dan lemang turut diadakan. Aktiviti gotong-royong dan merewang memasak makanan tengahari juga turut dilaksanakan. Melalui program ini pelajar, pegawai dan staf MEDM serta penduduk Kampung Puah Lembah dapat beramah mesra antara satu sama lain dan mendapat pengalaman baharu kepada semua yang terlibat.

Aktiviti sukan rakyat turut diadakan yang melibatkan semua peringkat umur seperti permainan tuju tin, baling kelapa, kelereng dan *zero-point*. Aktiviti sampingan juga disediakan seperti Kenali Rempah Ratus dan Musang Berjantung.

Program ini diserikan lagi dengan kehadiran Dr. Mohd Effendi Samsuddin, Timbalan Dekan, Ijazah Dasar dan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaya dan juga wakil dari Pejabat Parlimen Wangsa Maju.

Seramai 645 orang memeriahkan program Kenali@MEDM dan ia merupakan satu program yang patut diteruskan agar jalinan mesra di antara pihak muzium, institusi pengajian tinggi dan komuniti terus dipupuk dalam memartabatkan warisan negara.

# Lawatan Putera Edward VIII, Prince of Wales ke Labuan 17 Mei 1922

Oleh: Muhammad Azam bin Adnan, Muzium Labuan

Siapa sangka pulau Labuan pernah menjadi salah satu tempat lawatan kerabat diraja dari United Kingdom pada satu ketika dahulu. Walaupun pulau ini hanya berkeluasan 91.64 km<sup>2</sup>, namun begitu banyak peristiwa penting yang pernah mewarnai sejarah Labuan termasuklah lawatan oleh Putera Edward VIII, Prince of Wales pada 17 Mei 1922.

Edward VIII atau nama penuhnya Edward Albert Christian George Andrew Patrick dilahirkan pada 23 Jun 1894 di Richmond, Surrey, England merupakan anak sulung kepada Raja George V dan Permaisuri Mary di England. Edward VIII juga terkenal dengan gelaran *The Abdicated King* atau Raja Yang Diturunkan Takhta kerana beliau pernah menaiki takhta menjadi Raja British dan Utara Ireland serta taklukan jajahan British dan Maharaja India dalam tempoh setahun sahaja bermula dari 20 Januari hingga 10 Disember 1936 apabila beliau membuat keputusan untuk berkahwin dengan seorang janda yang bernama Wallis Warfield Simpson dari Amerika Syarikat. Ketika itu undang-undang Gereja England tidak membenarkan individu yang telah bercerai untuk berkahwin semula dengan kerabat diraja di gereja jika bekas pasangan mereka masih hidup. Oleh itu, Raja Edward VIII sanggup turun takhta supaya beliau dapat bersama kekasih beliau, Wallis Warfield Simpson. Selepas penurunan takhta, beliau telah diberikan gelaran the Duke of Windsor sehinggalah beliau meninggal dunia pada 28 Mei 1972 di Villa Windsor, Paris, Perancis.

Sewaktu hayatnya sebagai Prince of Wales, Putera Edward VIII pernah melakukan lawatan ke negara dan jajahan taklukan empayar British yang dikenali sebagai *The Eastern Tour* pada tahun 1921 hingga 1922. Antara negara dan jajahan yang telah dilawati beliau ialah Malta, Port Said, Suez, Aden, India, Ceylon (Sri Lanka), Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Negeri-Negeri Selat dan Hong Kong. Beliau juga telah melawat Manila, Labuan, Jesselton (Kota Kinabalu), Brunei dan Kaherah di Mesir. Putera Edward VIII telah menggunakan kapal perang 'Renown' bagi lawatan ini dengan membawa 30 orang pegawai daripada pelbagai jawatan tentera seperti Leftenan Lord Louis Mountbatten, Leftenan Kolonel F. O'Kinealy dan Kapten Dudley North. Lawatan ini telah



Gambar potret Putera Edward VIII

**“Edward VIII atau nama penuhnya Edward Albert Christian George Andrew Patrick dilahirkan pada 23 Jun 1894 di Richmond, Surrey, England merupakan anak sulung kepada Raja George V dan Permaisuri Mary di England.”**

bermula pada 26 Oktober 1921 di Portsmouth, England dan diakhiri pada 20 Jun 1922 apabila kapal perang *Renown* telah selamat tiba di Plymouth, England setelah 8 bulan belayar.

Lawatan Putera Edward VIII ke Labuan telah diadakan sewaktu perjalanan pulang *The Eastern Tour* beliau ke England. Menurut buku *The Prince of Wales Eastern Book* (1922), kapal perang *Renown* telah berlabuh di pelabuhan Labuan pada 17 Mei 1922. Rekod daripada buku ini juga memaklumkan bahawa Labuan ketika itu



Batu Peringatan Lawatan Prince of Wales ke Labuan pada 17 Mei 1922



Putera Edward VIII bersama kru Kapal Perang 'Renown' dalam perjalanan pulang ke England

diletakkan di bawah pentadbiran Negeri-Negeri Selat oleh kerajaan British dan mempunyai 17 orang Ingeris, satu jalan utama yang mempunyai kedai-kedai Cina yang menghadap pelabuhan dan juga rumah agam kerajaan. Rekod Arkib Diraja Istana Windsor tahun 1922 pula menunjukkan bahawa kapal perang *Renown* telah berlabuh di Labuan pada tengah hari 17 Mei 1922 dan berada di Labuan sehingga 19 Mei 1922. Berdasarkan rekod ini, lawatan Putera Edward VIII ke Labuan hanyalah lawatan singkat dan beliau menjadikan Pulau Labuan sebagai pulau persinggahan beliau untuk beliau mengadakan lawatan ke Jesselton (Kota Kinabalu) pada 18 Mei 1922 dan kemudian ke Brunei pada 19 Mei 1922. Rekod telegram dari Arkib Diraja Istana Windsor juga menunjukkan Putera Edward VIII telah melawat Rumah Kerajaan Labuan dan bertemu dengan veteran-veteran askar Ingeris sewaktu lawatan beliau ke pulau ini.


Muzium Labuan mempunyai Batu Peringatan Lawatan Prince of Wales ke Labuan yang menjadi bahan bukti bahawa beliau pernah melawat Labuan pada 17 Mei 1922. Batu peringatan ini kini dipamerkan di taman berhadapan bangunan Muzium Labuan. Hasil penyelidikan penulis mendapati tiada gambar-gambar lawatan Putera Edward VIII sewaktu beliau berada di Labuan berbanding lawatan beliau ke Jesselton dan Brunei di Borneo memandangkan Pulau Labuan hanya dijadikan tempat persinggahan. Walaupun begitu, lawatan Putera Edward VIII ini tetap membuktikan bahawa Pulau Labuan merupakan salah satu pulau penting yang tercatat dalam lipatan sejarah kolonial Ingeris.

**Rujukan:**

- Rekod Arkib Diraja Istana Windsor
- The Prince of Wales' Eastern Book: A Pictorial Record of The Voyages of H.M.S "Renown" 1921-1922



Rumah Kerajaan atau *Government House* yang menjadi tempat persinggahan Putera Edward VIII di Labuan



Telegram Diraja yang menceritakan mengenai lawatan Putera Edward VIII ke Labuan. Insan daripada 'His Majesty King Charles III', Arkib Diraja Istana Windsor

Perpustakaan Negara Singapura

- <https://www.britannica.com/biography/Edward-VIII>
- <https://www.royal.uk/edward-viii>
- <https://www.npg.org.uk/collections/search/person/mp04887/prince-edward-duke-of-windsor-king-edward-viii>

# Menjejaki Sejarah EDWARDES TOWN LABUAN SIRI II

Oleh : Zainon binti Halon, Muzium Chimney

Edwardes Town merupakan sebuah pekan perlombongan arang batu di Utara Labuan yang pernah diceritakan oleh beberapa penulis barat semasa mereka tiba di Borneo pada sekitar abad ke-19 dan ke-20. Berdasarkan sumber-sumber primer dan sekunder serta pelbagai bukti *in-situ* yang terdapat di sekitar kawasan tapak perlombongan arang batu Tanjung Kubong telah mengukuhkan lagi fakta bahawa Labuan sememangnya pernah melakar sejarah kegemilangannya sebagai stesen pengeluar arang batu terpenting di rantau Borneo malah antara yang terawal di Asia Tenggara lebih seabad lalu. Antara penulis Barat yang banyak menulis tentang sejarah Labuan ialah Maxwell Hall, Nicholas Tarling, W.H.Treacher, Frank Hatton Graham Irwin disamping beberapa penyelidik tempatan seperti Stephen R.Evans, Danny Wong Tze Ken, D.S Ranjit Singh, Cecilia Leong dan Nazli Aziz.

Namun demikian, Edwardes Town tidak diberi tumpuan dalam kebanyakan penulisan awal kerana lebih memfokuskan kepada aspek pembukaan Labuan dan perkembangan pentadbiran Kerajaan British. Manakala penulisan berkaitan sejarah perlombongan arang batu hanya dijadikan sebagai sub-tajuk kajian. Seterusnya penggunaan nama Coal Point yang merujuk kepada Tanjung Kubong sebagai tapak perlombongan arang batu utama dilihat lebih mendominasi dalam mana-mana penulisan berbanding nama Edwardes Town. Jika adapun hanya pernyataan-pernyataan secara umum seperti penceritaan keadaan tapak-tapak perlombongan dan kawasan sekitar Labuan yang tidak memberi gambaran secara terperinci tentang pekan perlombongan ini sama ada dari segi nama, lokasi, keluasan mahupun kepentingannya pada ketika itu. Pada tahun 2015, Lynette Silver iaitu seorang sejarawan Australia dalam penulisannya yang bertajuk *Solving The Mystery Of The Labuan Chimney* menyentuh tentang sejarah Edwardes Town walaupun tidak secara menyeluruh dari segi perkembangannya kerana kajiannya lebih tertumpu kepada fungsi pembinaan Menara Chimney yang masih dianggap misteri hingga ke hari ini.

Apa yang boleh dirumuskan, penggunaan nama Edwardes Town dalam sejarah peradaban Labuan hanya diperkenalkan ketika era pentadbiran Gabenor Hon. George Warren Edwardes yang mentadbir Labuan dari tahun 1856 hingga 1860 berbanding nama Coal Point yang telah dikenali sejak tahun 1844; iaitu sebaik sahaja penemuan deposit arang batu di Pulau Labuan oleh Kapten Edwards Belcher. Selama tempoh 12 tahun (1844-1856) penggunaan nama Coal Point lebih meluas digunakan serta dicatatkan dalam kebanyakan peta mahupun laporan awal. Selepas tempoh pemerintahan Gabenor Edwardes, biarpun pekan ini berkembang pesat seiring berkembangnya kegiatan perlombongan arang batu tetapi seakan kurang menonjol kerana peralihan kuasa pentadbiran Kerajaan British sehingga dirujuk sebagai pekan pentadbiran Inggeris di Coal Point tanpa mempopularkan nama Edwardes Town itu sendiri.

Semasa era pentadbiran Gabenor Edwardes, beliau begitu komited membangunkan Labuan termasuklah membangunkan pekan perlombongan arang batu di Coal Point yang seterusnya dinamakan sebagai Edwardes Town bersempena dengan nama beliau. Tarikh pembukaan mahupun lokasi sebenar kedudukan pekan ini masih lagi menjadi persoalan kerana tiada dokumentasi mengenainya. Namun demikian, merujuk kepada garis masa kedatangan Gabenor Edwardes dan beberapa sumber primer, menunjukkan Edwardes Town berkemungkinan besar telah




Tapak perlombongan arang batu di Kawasan utara Labuan

dibuka pada sekitar tahun 1857. Pembangunan di Edwardes Town sentiasa berkembang dari semasa ke semasa walaupun ada kalanya lombong-lombong ditutup beberapa kali susulan masalah dalaman syarikat-syarikat perlombongan. Penggantian syarikat yang baru turut memangkin aktiviti pembangunan setempat sehingga membawa kepada keperluan sumber batu bata bagi tujuan pembinaan bangunan-bangunan dan lombong-lombong arang batu di Coal Point. Selain adanya rumah-rumah pekerja turut dibina stor penyimpanan dan bangunan pengumpulan arang batu, pejabat pentadbiran, kedai-kedai, klinik, balai polis dan juga perpustakaan. Sebahagian besar bahan binaan terutamanya batu bata telah dibekalkan dari Singapura dan kemudiannya bahan tanah liat membuat bata telah diperolehi dari tapak-tapak perlombongan dan kawasan berhampiran seperti Ganggarak dan Layang-Layang.



Pelan coal point



Peta lama Pelabuhan Raffles



Negatif gambar Edwardes Town 1875

Kewujudan Edwardes Town di Utara dan Victoria Town di Selatan Labuan telah mencetus lebih banyak aktiviti pembangunan di pulau ini terutamanya sistem pengangkutan keretapi dan jalan-jalan raya untuk menghubungkan tapak perlombongan dengan Victoria Town. Pada tahun 1860-an, Kerajaan British telah membina jalan raya sepanjang 5 batu dari Victoria Town menuju ke kawasan Utara dan siap sepenuhnya pada tahun 1864. Manakala di antara tahun 1874 hingga 1880, infrastruktur lain seperti rumah-rumah dan pejabat kerajaan, pelabuhan, pembaikan jalan-jalan raya di Utara Labuan serta sebuah jambatan di kawasan Ganggarak turut dibina manakala landasan keretapi pengangkut arang batu telah siap sepenuhnya pada tahun 1893.

Sebahagian daripada Edwardes Town dapat dilihat pada peta lama Pelabuhan Raffles yang turut menunjukkan lokasi jeti pelabuhan arang batu, rumah pengurus lombong, pejabat pentadbiran, stor bahan letupan, beberapa bangunan kedai dan landasan *tramway* menghubungkan tapak-tapak perlombongan arang batu dengan pelabuhan. Gambaran pembangunan di Edwardes Town turut dipaparkan pada pelan terperinci Labuan dan beberapa negatif gambar yang diperolehi daripada UK Archives dan Muzium Raffles, Singapura bertarikh 1875 yang juga merangkumi landasan-landasan keretapi dari Coal Point ke Pelabuhan Labuan. Maklumat tersebut telah banyak membantu dalam memberi sedikit gambaran tentang lokasi Edwardes Town walaupun mungkin tidak setepat kedudukan asalnya. Pekan perlombongan ini diandaikan bermula dari kawasan tapak jeti Pelabuhan Raffles kerana secara logiknya tapak perlombongan memerlukan pusat pentadbiran yang berdekatan dengan laluan perhubungan utama seperti pelabuhan. Selain itu, penemuan kesan-kesan runtuh bangunan, batu-bata lama dan banyaknya serpihan artifak di kawasan ini telah mengukuhkan lagi andaian bahawa di sinilah terletaknya Edwardes Town.

Keluasan Edwardes Town turut diandaikan merangkumi kawasan tapak muzium dan Menara Chimney sehingga kawasan Taman Burung Labuan serta kompleks TUDM Labuan. Andaian ini berdasarkan kepada lakaran landasan keretapi ringan atau *tramway* pengangkut arang batu yang bermula dari Pelabuhan Raffles menuju ke kawasan ini dan tapak-tapak terowong arang batu di Coal Point. Manakala berdasarkan kepada beberapa negatif gambar Edwardes Town dan sebuah gambar poskad lama tapak perlombongan arang batu Labuan, dipercayai ia merupakan kawasan pusat pengumpulan arang batu di pekan ini dengan adanya landasan *tramway*, binaan rumah dan bangunan, rumah enjin serta Menara Chimney yang berkemungkinan besar berfungsi sebagai ruang pengalihan udara utama bagi terowong-terowong arang batu di sekitar kawasan ini atau sebuah serombong bagi rumah enjin. Jumpaan pelbagai artifak berbentuk komponen jentera, peralatan perlombongan serta bekas runtuh rumah enjin di tapak Chimney menguatkan lagi andaian bahawa disinilah terletaknya pusat pengumpulan arang batu di Edwardes Town. Arang batu kemudiannya diangkut menggunakan *tramway* menuju ke jeti Pelabuhan Raffles dengan menggunakan kapal-kapal kecil menyusuri pesisiran laut Coal Point (Tanjung Kubong), Lubok Temiang, Tanjung Aru sehinggalah ke Pelabuhan Victoria. Apabila sistem pengangkutan keretapi diperkenalkan pada tahun 1893, diandaikan laluan landasan keretapi yang digunakan untuk mengangkut arang batu ke Pelabuhan Victoria telah bermula



Terowong keretapi yang dipercayai sebagai laluan utama

daripada tapak pengumpulan ini melalui sebuah terowong keretapi di kawasan Bukit Kubong yang kini merupakan kompleks TUDM. Pernah menjadi laluan keluar ke Jalan Lubok Temiang seterusnya melalui Ganggarak, Batu Arang, Kampung Pantai Jalan Tun Mustapa dan berakhir di pelabuhan yang terletak berhampiran dengan bangunan Syarikat Harrison dan Crossfield. Kesemua andaian laluan ini ialah berdasarkan maklumat daripada beberapa orang responden tempatan serta gambar sebuah terowong keretapi Labuan tahun 1945 daripada Australia War Memorial yang dipercayai terletak di Kawasan Bukit Kubong selain tulisan lama oleh penulis-penulis Inggeris berkenaan sebuah jambatan landasan keretapi Ganggarak.

Sepanjang 64 tahun (1847-1911) kegiatan perlombongan arang batu di Labuan, di penghujungnya kerap berlaku masalah dalam syarikat-syarikat Inggeris yang akhirnya turut menjejaskan ekonomi dan status Labuan sebagai koloni British. Ketidakecakapan pihak pentadbiran syarikat Inggeris mendepani pelbagai masalah yang melanda telah dikenalpasti sebagai punca utama penutupan operasi lombong-lombong arang batu. Pada tahun 1918 Labuan Exploration Company iaitu anak syarikat kepada Labuan Coalfields Company Limited telah menjalankan kajian dan mencarigali mineral di Labuan, namun syarikat tersebut tidak meneruskan aktiviti perlombongan kerana tidak menguntungkan malahan sebahagian besar bekas terowong arang batu didapati telah dibanjiri air. Penutupan lombong-lombong arang batu secara tidak langsung menyebabkan Edwardes Town lumpuh. Ramai pekerja lombong dan pegawai British kehilangan pekerjaan dan meninggalkan Labuan untuk kembali ke tempat asal mereka. Sistem pengangkutan keretapi tidak lagi beroperasi dan sebahagian besar komponen keretapi telah dipindahkan ke Tanah Besar Sabah bagi membina landasan-landasan keretapi baru dan ada juga yang dipercayai telah dihantar ke negara Thailand.

Justeru, dengan adanya aktiviti penyelidikan dan pendokumentasian mengenai Edwardes Town ini diharap akan dapat mengimbuai semula sejarah awal kegemilangan Labuan satu masa dahulu yang masih belum diketengahkan dalam mana-mana penulisan tempatan disamping menyemarakkan lagi usaha pembangunan dan pengkalan tapak-tapak bersejarah di Wilayah Persekutuan Labuan.

## Program

### IBADAH QURBAN JMM 2023

Oleh: Muhammad Nahar Wafi bin Nasruddin,  
Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Harta



**KUALA LUMPUR** - Program Ibadah Qurban JMM kembali semula setelah terhenti akibat wabak COVID-19. Setelah mendapat persetujuan dari Pengerusi dan ahli Persatuan Kebajikan, Sosial & Rekreasi (PKSR) serta kelulusan daripada Ketua Pengarah JMM, Biro Kebajikan dan Agama PKSR membuat penetapan pembayaran secara bulanan kepada warga jabatan yang berminat untuk menyertai program Qurban JMM pada tahun ini. Pada 30 Jun 2023 seawal jam 8.00 pagi, urusetia Program Qurban JMM telah berada di pusat sembelihan untuk menguruskan proses penyembelihan. Setelah selesai dilapah dan dipotong beberapa bahagian, daging qurban tersebut dibawa ke jabatan untuk dipotong, ditimbang dan dibungkus. Pembahagian kepada peserta dan agihan daging qurban kepada asnaf terpilih selesai kira-kira jam 11.00 pagi. Seterusnya ialah acara menyediakan dan memasak juadah daging qurban iaitu sup daging dan tulang untuk jamuan urusetia, sukarelawan serta pengurusan tertinggi jabatan sebelum bersurai. Setinggi – tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua peserta qurban dan sukarelawan yang membanting tulang bagi menjayakan Program Ibadah Qurban JMM 2023. Biro Kebajikan dan Agama PKSR mengharapkan agar program ini dapat diadakan setiap tahun sebagai satu cara memupuk kerjasama dan kerja berpasukan warga JMM.

## Bengkel Ikat Dan Celup: Ekspresi Warna Jalur Gemilang

Oleh: Salmiahwati binti Djafar, Muzium Tekstil Negara



**KUALA LUMPUR** - Bengkel Ikat dan Celup: Ekspresi Warna Jalur Gemilang diadakan untuk menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan Negara yang ke-66. Program ini juga merupakan kesinambungan Bengkel Ikat dan Celup yang telah diadakan pada tahun lepas. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk menambah ilmu pengetahuan dan mengeratkan silaturahim dalam kalangan ahli PUSPANITA.

Program ini dijayakan dengan kerjasama PUSPANITA Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dan PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Muzium Malaysia (JMM) melalui Muzium Tekstil Negara (MTN) pada 23 Ogos 2023 (Rabu) bertempat di Dataran Muzium Tekstil Negara. Bengkel ini telah disertai seramai 60 orang ahli PUSPANITA KPN dan PUSPANITA Cawangan kecil di bawah KPN serta diserikan dengan kehadiran Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil JMM, iaitu YBhg. Datin Zuriddah binti Harun. Pada bengkel kali ini, setiap peserta diberi peluang menghasilkan selendang dan tudung bawal merdeka.

Bengkel dimulakan dengan sesi taklimat dan pengenalan MTN yang disampaikan oleh Kurator MTN, Puan Salmiahwati binti Djafar dan diikuti dengan sesi amali dan praktikal teknik ikat dan celup serta shibori oleh tenaga pengajar yang dijemput, iaitu Encik Zaifuddin bin Samsuddin@Musa. Teknik menghasilkan ikat dan celup dan shibori dimulakan dengan mengikat kain menggunakan getah, tali atau *cotton tape* serta menggunakan alat menghasilkan corak seperti batang paip, *chopstick*, guli dan sebagainya. Seterusnya, kain yang telah diikat, dicelup ke dalam pewarna merdeka iaitu merah, biru dan kuning, lalu dibasuh menggunakan air paip sehingga tiada kesan warna kelihatan. Setelah itu, ikatan kain akan dibuka, kemudian dijemur sehingga kering dan sedia untuk dipakai.

Secara keseluruhannya, bengkel ini telah memberikan pengalaman dan ilmu pengetahuan baharu kepada para peserta, selain dapat menanam semangat patriotism dalam kalangan peserta. Hasil daripada bengkel yang dihadiri juga, para peserta boleh mengaplikasi dan menghasilkan sendiri teknik ikat dan celup di rumah.



**HASIL NUKILAN PEMENANG PERTAMA  
PERTANDINGAN MENGARANG SYAIR  
SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KEMERDEKAAN NEGARA YANG KE 65  
JABATAN MUZIUM MALAYSIA**

## *Syair Anak Merdeka*

Dengarlah tuan hamba berperi,  
Tinta dicoret pengubat diri,  
Merenung luka pena menari,  
Semat tersimpan sejarah pertiwi.

Janganlah tuan berhati walang,  
Ingati semangat para pejuang,  
Sejarah lama sering didendang,  
Warisan bangsa takkan hilang.

Hamba beruntung anak merdeka,  
Buangkan lara hilangkan duka,  
Anak bangsa menangkis derhaka,  
Berdiri gagah membela pusaka.

Bumi merdeka aman dan makmur,  
Sentiasa mekar terus bersubur,  
Jika bumi peluru bertabur,  
Di medan juang sama bertempur.

Warisan moyang penuh khazanah,  
Bumi bertuah disirami sejarah,  
Sayangi tanah tumpah darah,  
Janji dikota memegang amanah.

Bekalan dibawa pesanan ibunda,  
Diri dijaga di mana berada,  
Jiwa utuh semangat di dada,  
Bangsa bermaruah mengegar persada.

65 tahun merdeka bergema,  
Detik gemilang seluruh buana,  
Keluarga Malaysia Teguh Bersama,  
Berganding bahu penuh bermakna.

Jalur gemilang berkibar megah,  
Kibarnya indah menyusun langkah,  
Langkah berpadu hilanglah gundah,  
Menyahut cabaran tiadalah rebah.

Wira pejuang berbuat jasa,  
Negara makmur bahagia sentosa,  
Ayuh semua wahai bangsa,  
Pelihara negara sepanjang masa.

Rukun Negara tersemat dihati,  
Hidup sepakat perlu hayati,  
Syukuri nikmat sama miliki,  
Negara selamat aman harmoni.

**Nukilan: Azlina binti Ariffin  
Bahagian Pengurusan Koleksi  
Jabatan Muzium Malaysia**



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

# "MUZIUM KITA TAMADUN KITA"

JABATAN MUZIUM MALAYSIA - WWW.JMM.GOV.MY



MUZIUM DIRAJA KUALA LUMPUR



MUZIUM NEGARA KUALA LUMPUR



MUZIUM PERAK TAIPING PERAK



MUZIUM KOTA JOHOR LAMA, JOHOR



MUZIUM LUKUT, NEGERI SEMBILAN



MUZIUM SENI KRAF ORANG ASLI  
KUALA LUMPUR



GALERIA PERDANA, LANGKAWI



MUZIUM MATANG, TAIPING PERAK



MUZIUM LABUAN, LABUAN



MUZIUM KOTA KUALA KEDAH  
KEDAH



MUZIUM ETNOLOGI DUNIA MELAYU  
KUALA LUMPUR



MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL  
SEPANG



MUZIUM ADAT, JELEBU  
NEGERI SEMBILAN



MUZIUM KOTA KAYANG, PERLIS



MUZIUM ARKEOLOGI LEMBAH BUJANG  
KEDAH



MUZIUM MARIN LABUAN, LABUAN



MUZIUM SENI BINA MALAYSIA  
MELAKA



MUZIUM CHIMNEY, LABUAN



MUZIUM SUNGAI LEMBING  
PAHANG



GALERI MUZIK, KUALA LUMPUR



MUZIUM TEKSTIL NEGARA,  
KUALA LUMPUR